

**Tertib *al-Jam'* dan *al-Naskh* dalam *Mukhtalif al-Ḥadīth*
Menurut Sharaf al-Quḍāh: Satu Analisis**

***The Sequence of al-Jam' and Al-Naskh Methodology in
Mukhtalif al-Ḥadīth Solution: Analysis the View of Sharaf al-
Quḍāh***

Mohd Solleh Ab Razak

School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.
solahuddin_ayyub@yahoo.com

Roshimah Samsudin

School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.
roshimah@usm.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol49no1.4>

Abstract

The method used by hadith scholars in the issue of contradiction between hadith which is termed as Mukhtalif al-Ḥadīth usually involves three manhaj, namely al-Jam', al-Naskh and al-Tarjīh. In principle, the scholars of hadith arrange the order by putting al-Jam' as the first, then al-Naskh and followed by al-Tarjīh. However, a contemporary hadith researcher, Sharaf al-Quḍāh, was found to have presented a different order as compared with presented by hadith scholars. Therefore, this article aims to examine the views of Sharaf al-Quḍāh regarding the sequence of manhaj solution of Mukhtalif al-Ḥadīth based on the manhaj of hadith scholars. To implement this purpose, the writer is used library research based on qualitative research through contents analysis in order to record and analysis data. The finding of this research shows that the sequence of al-Hadith methodology which is proposed by Sharaf al-Quḍāh is acceptable among muḥaddithīn even though it is not clearly stated in Muṣṭalah al-Ḥadīth writings. Accordingly, this writing is the way to enhance the understanding in accordance with the sequence of application methodology amongs the muḥaddithīn in order to eliminate the contradiction between al hadith.

Keywords: *Sequence, Mukhtalif al-Ḥadīth, Sharaf al-Quḍāh, Muḥaddithīn*

Abstrak

Kaedah yang digunakan oleh ulama hadith dalam isu percanggahan antara hadith secara zahir yang diistilahkan sebagai *Mukhtalif al-Ḥadīth* lazimnya melibatkan tiga manhaj iaitu *al-Jam'*, *al-Naskh* dan *al-Tarjih*. Secara prinsipnya, ulama hadith menyusun tertib dengan mendahulukan

al-Jam', kemudian *al-Naskh* dan kemudian *al-Tarjih*. Namun, seorang pengkaji hadith kontemporari iaitu Sharaf al-Qudāh didapati mengemukakan tertib yang berbeza berbanding tertib yang dikemukakan oleh ulama hadith. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengkaji pandangan Sharaf al-Qudāh berkaitan tertib manhaj penyelesaian *Mukhtalif al-Ḥadīth* berdasarkan manhaj ulama hadith. Untuk mencapai matlamat ini, kaedah kepustakaan berdasarkan kajian kualitatif melalui reka bentuk analisis kandungan digunakan sepenuhnya dalam proses pengumpulan dan penganalisan data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tertib yang dikemukakan oleh Sharaf al-Qudāh merupakan tertib yang disepakati oleh para *muhaddīthīn* sekalipun tertib tersebut tidak dinyatakan secara jelas di dalam karya-karya *Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Dengan itu, hasil dapatan dalam kajian ini dapat meluruskan kefahaman tentang tertib aplikasi metodologi yang dikemukakan oleh para *muhaddīthīn* dalam menghilangkan percanggahan dan keraguan antara hadith.

Kata kunci: Tertib, *Mukhtalif al-Ḥadīth*, Sharaf al-Qudāh, *Muhaddīthīn*

Pendahuluan

Mukhtalif al-Ḥadīth merupakan salah satu cabang terpenting dalam ilmu hadith. Ia merupakan satu cabang ilmu yang perlu diketahui oleh para ulama daripada bidang hadith, *fiqh*, *usul* dan lain-lain bidang.¹ Atas kepentingan ini, para *muhaddīthīn* dan pengkaji hadith daripada pelbagai generasi menumpukan perhatian untuk mengkaji secara menyeluruh lagi mendalam bagi menyelesaikan permasalahan hadith yang dibincangkan dalam ilmu ini.²

¹ Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī, *Irshād Tullab al-Ḥaqā'iq ilā Ma'rifah Sunan Khayr al-Khalā'iq*, ed. Nuruddin 'Itr (Damsyik: Dār al-Yamamah, 2002), 571.

² Berkaitan hal ini, para *Muhaddīthīn* telah berusaha bersungguh-sungguh membincangkan berkaitan ilmu *Mukhtalif al-Ḥadīth* di dalam karya-karya mereka. Terdapat tiga pendekatan para *Muhaddīthīn* dalam membincangkan ilmu ini. Pertama: perbincangan di dalam karya '*Ulūm al-Ḥadīth* dan *Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Melalui karya ini, para *Muhaddīthīn* menggunakan istilah yang berbeza-beza, antaranya ialah *Mukhtalif al-Ḥadīth*, *al-Akhbar al-Lā'ī la Mu'āridh laha bi Wajh min al-Wajh* dan *Ta'āruḍ al-Akhbār*. Walaupun demikian, istilah *Mukhtalif al-Ḥadīth* adalah istilah yang paling popular yang digunakan di dalam karya-karya '*Ulūm al-Ḥadīth* dan *Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Kedua: perbincangan di dalam karya-karya khusus yang menghimpulkan hadith-hadith. Bentuk ini melibatkan tokoh-tokoh utama dalam bidang hadith seperti al-Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥnya*, al-Tirmidhī

Antara fokus utama perbincangan *Mukhtalif al-Ḥadīth* ialah manhaj yang diaplikasikan oleh para *muhaddithīn* dalam merungkai percanggahan yang berlaku antara dua hadith. Berhubung hal ini, para *muhaddithīn* mengemukakan manhaj *al-Jam'*, *al-Naskh* dan *al-Tarjīh* dalam menyelesaikan permasalahan *Mukhtalif al-Ḥadīth*.³ Menurut Sa'd al-Dusārī, ketiga-tiga manhaj ini disepakati oleh seluruh para *muhaddithīn*. Namun terdapat *muhaddithīn* yang menambah manhaj yang keempat iaitu *al-Tawaqquf*, namun manhaj ini diperselisihkan oleh para ulama.⁴

dalam *Jāmi'*nya, Ibn Khuzaymah dalam *Ṣaḥīḥ*nya, al-Bayḥāqī dalam *Sunannya* dan banyak lagi.² Perbincangan ini melibatkan hadith-hadith yang terdapat di dalam sesuatu bab atau pada bab-bab yang berlainan. Ketiga: perbincangan di dalam karya-karya *Mukhtalif al-Ḥadīth* secara khusus dan terperinci bagi membincangkan tentang ilmu ini. Antara tokoh dan karya utama ialah al-Shāfi'ī melalui karyanya *Ikhtilaf al-Ḥadīth*, Ibn Qutaybah melalui karyanya *Ta'wīl Mukhtalif al-Ḥadīth*, al-Taḥāwī melalui karyanya *Mushkil al-Athār* dan banyak para ulama yang menghasilkan karya *Mukhtalif al-Ḥadīth* secara lebih terperinci dan tersusun. Lihat Usāmah bin 'Abd Allāh Khayyāṭ, *Mukhtalif al-Ḥadīth Bayna al-Muhaddithīn wa al-Uṣūliyyīn al-Fuqahā'* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2001), 10. Abū 'Amrū 'Uthmān bin 'Abd al-Raḥman al-Shahrazūri Ibn Ṣalāh, *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāh* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2010), 262-263. Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī, *Al-Taqrīb wa al-Taysīr li Ma'rifah Sunan al-Bashīr wa al-Naḍīr*, ed. Muḥammad 'Uthmān al-Khasyat (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1985), 90. Ismā'īl bin 'Umar Ibn Kathīr, *Ikhtisār 'Ulūm al-Ḥadīth*, ed. Aḥmad Muḥammad Shākīr (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 169-170. Aḥmad bin 'Alī 'Asqalānī Ibn Ḥajar, *Nuzḥah al-Nazar fī Tawḍīḥ Nukhbah al-Fikr fī Muṣṭalah Ahl al-Athār*, ed. Nūr al-Dīn 'Itr (Karachi: Maktabah al-Bushrā, 2012), 83-84. Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin 'Abd Allāh al-Ḥākīm, *Ma'rifah 'Ulūm al-Ḥadīth* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1977), 129. Abū Bakr Aḥmad bin 'Alī bin Thābit al-Khāṭib al-Baghdādī, *Al-Kifāyah fī 'Ilm al-Riwāyah*, ed. Abū 'Abd Allāh al-Suraqī dan Ibrāhīm Hamdi al-Madānī (Madinah: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, t.t.), 2:558. Al-Ḥādī Rushu, *Mukhtalif al-Ḥadīth wa Juhūd al-Muhaddithīn fīh: Dirāsah Naqdīyah* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2009), 350-490.

³ Ibn Ṣalāh, *Muqaddimah Ibn al-Ṣalah*, 262-263. Al-Nawāwī, *al-Taqrīb wa al-Taysīr*, 90. 'Abd al-Raḥīm bin Ḥusayn al-'Irāqī, *Sharḥ al-Tabṣrah wa al-Tadhkirah*, ed. Māhir Yaṣīn al-Fahl dan 'Abd al-Latīf al-Hamim (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002), 108. Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥman bin Abī Bakr al-Suyūṭī, *Tadrīb al-Rāwī fī Shaḥ Taqrīb al-Nawāwī* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1979), 2:196.

⁴ Sa'd Fajhan al-Dusārī, *Qawā'id Raf' al-Ikhtilaf fī al-Ḥadīth al-Nabāwī*, (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2011), 177.

Selain daripada perbincangan manhaj yang diaplikasikan oleh para *muhaddithīn* dalam ilmu ini, mereka turut memfokuskan berkaitan tertib manhaj tersebut. Secara dasarnya, para *muhaddithīn* berpandangan bahawa tertib aplikasi manhaj *Mukhtalif al-Ḥadīth* hendaklah mendahulukan *al-Jam'*, kemudian *al-Naskh*, kemudian *al-Tarjīh* dan akhirnya *al-Tawaqquf*.⁵ Demikianlah tertib yang dikemukakan oleh para *Muhaddithīn* di dalam kebanyakan karya-karya *Muṣṭalah al-Ḥadīth*.⁶

Walaupun demikian, seorang pengkaji hadith kontemporari iaitu Sharaf al-Qudah⁷ telah mengarang sebuah makalah berkaitan *Mukhtalif al-Ḥadīth* secara khusus yang berjudul *Ilm Mukhtalif al-Ḥadīth: Usuluh wa Qawā'iduh*.⁸ Di dalam makalah tersebut, beliau telah mengemukakan tertib manhaj penyelesaian *Mukhtalif al-Ḥadīth* yang berbeza dengan tertib yang dikemukakan di dalam karya-karya *Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Perbezaan tersebut dapat diperhatikan daripada dua dua aspek:

- i. Pembahagian *al-Naskh* kepada dua bahagian iaitu *al-Naskh al-Ṣarīh* dan *al-Naskh Ghayr al-Ṣarīh*.

⁵ 'Abd al-Raḥīm al-Ḥusayn al-'Irāqī, *Sharḥ al-Tabṣīrah wa al-Tadhkirah*, 2:109. Muḥammad bin 'Abd al-Raḥman al-Sakhāwī, *Fath al-Mughīth bi Sharḥ Alfiyah al-Ḥadīth*, ed. 'Alī Ḥasan 'Alī (Mesir: Maktabah al-Sunnah, 2003), 4:67-70. Ibn Ḥajar, *Nuzḥah al-Nazar*, 79. Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Abādī, *'Ulūm al-Ḥadīth Aṣīluhā wa Mu'asiruhā* (Selangor: Darul Syakir, 2011), 309.

⁶ Pengkaji akan memperincikan hal ini di dalam sub-topik 'Tertib *al-Jam'* dan *al-Naskh* dalam Karya *Muṣṭalah al-Ḥadīth*.'

⁷ Nama penuh beliau ialah Sharaf Maḥmūd Muḥammad al-Qudāh. Beliau dilahirkan pada 9 September 1951M di Perkampungan Munif, daerah 'Ajlun, Jordan. Beliau mendapat ijazah pertama dalam bidang Syariah di Universiti Dimasyq pada tahun 1973. Beliau menyambung peringkat Sarjana dalam pengkhususan hadith dan *'Ulum al-Hadith* di Kuliyyah *Usuluddin*, Universiti al-Azhar pada tahun 1975. Seterusnya menyempurnakan Ijazah Doktor Falsafah di Universiti al-Azhar dalam pengkhususan yang sama pada tahun 1980. Beliau memegang jawatan sebagai Professor di *University of Jordan* pada tahun, 2002-2005, 2006-2009 dan 2010 sehingga kini. Beliau banyak menghasilkan pelbagai karya dan kajian ilmiah serta menghadiri pelbagai seminar peringkat antarabangsa dalam pelbagai cabang ilmu terutamanya dalam bidang hadith dan *'Ulum al-Hadith*. Lihat, "Dr. Sharaf al-Qudah", laman sesawang *The University of Jordan*, dicapai 10 Ogos 2020, <http://eacademic.ju.edu.jo/S.AI-Qudah/Pages/AboutMe.aspx>.

⁸ Karya ini diterbitkan di dalam *Majallah Dirāsāt, al-Jāmi'ah al-Urduniyyah*, jilid 28, bilangan 8, tahun 2008.

- ii. Tertib *al-Naskh al-Ṣarīh* lebih didahulukan berbanding dengan *al-Jam'* dan meletakkan *al-Naskh Ghayr al-Ṣarīh* selepas *al-Jam'*.⁹

Berdasarkan perbezaan ini, pengkaji memfokuskan tertib yang dikemukakan oleh Sharaf al-Qudāh sama ada tertib tersebut selari dengan manhaj para *muhaddithīn* atau tertib tersebut merupakan satu teori baru yang beliau kemukakan dalam menetapkan tertib manhaj terhadap penyelesaian ilmu *Mukhtalif al-Ḥadīth*.¹⁰ Kajian ini penting kerana ia melibatkan struktur tertib manhaj penyelesaian terhadap hadith-hadith yang bercanggah dan tertib ini turut dinukilkan di dalam karya-karya lain oleh sebahagian pengkaji hadith kontemporari yang lain.¹¹

Definisi Mukhtalif al-Ḥadīth

Perkataan *mukhtalif* merupakan bentuk *isim fā'il* (pelaku atau subjek) yang diambil daripada kata kerja *ikhtalafa*. Kata dasar bagi perkataan ini ialah tiga huruf iaitu *kha-lam-fa*. Antonimnya ialah *al-ittifaq* (persepakatan).¹² Menurut al-Fayyūmī, perkataan *al-khalaf* bermaksud gantian dan tukaran. Selain itu, ia turut bermaksud sesuatu kaum bertelagah dan berselisih, iaitu apabila salah satu daripada kedua-duanya berlawanan dengan pihak yang satu lagi.¹³ Manakala perkataan *al-ikhtilaf* dan *al-mukhalafah*

⁹ Sharaf al-Qudāh, “‘Ilm Mukhtalif al-Ḥadīth: Uṣūluh wa Qawā'iduh”, *Majallāh Dirāsah al-Jāmi'ah al-Urduniyyah*, jilid 28 (2001): 17.

¹⁰ Hal ini demikian kerana beliau mendakwa bahawa beliau tidak menemui sesiapa pun yang membezakan antara dua jenis *al-Naskh* ini sebagaimana kenyataan berikut:

“Saya tidak menemui sesiapa pun yang secara jelas membezakan antara *al-Naskh al-Ṣarīh* dan *al-Naskh Ghayr al-Ṣarīh*, mendahulukan yang pertama ke atas *al-Jam' wa al-Tawfiq* dan mengakhirkannya yang kedua berbandingnya. Namun perbezaan tersebut merupakan satu tindakan yang betul yang mesti dilakukan. Mudah-mudahan ulama kita sebelum ini mengaplikasikannya sekalipun mereka tidak menjelaskannya. Oleh itu, perkara ini memerlukan penjelasan secara nyata.” Lihat Sharaf al-Qudāh, *Al-Minhaj al-Ḥadīth fī 'Ulūm al-Ḥadīth* (Jordan: al-Akadimiyyūn li al-Nashr wa al-Tawzī', 2003), 138.

¹¹ Antaranya ialah Faisal Ahmad Shah melalui bukunya *Kaedah Tepat Memahami Hadis*. Lihat Faisal Ahmad Shah, *Kaedah Tepat Memahami Hadis* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2015), 172-195.

¹² Aḥmad bin Muḥammad bin 'Alī al-Fayyūmī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr fī Gharīb al-Sharḥ al-Kabīr li al-Rafi'i* (Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah), 1:179.

¹³ Al-Fayyūmī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr*, 1:179.

menurut Ibn Manzur bermaksud dua perkara yang saling bercanggah dan tidak bersepakat. Oleh itu, setiap perkara yang tidak sama, maka ia bercanggah.¹⁴

Dari sudut istilah pula, para *muhaddithīn* telah mengemukakan pelbagai definisi. Namun, definisi tersebut hampir sama antara satu sama lain dengan wujudnya penambahan atau pengurangan terhadap isi kandungan definisi yang di kemukakan. Tokoh pertama yang membincangkan definisi *Mukhtalif al-Ḥadīth* ialah al-Shāfi'ī (w. 204H)¹⁵ sebagaimana berikut:

“Tidak harus kita jadikan dua hadith daripada Rasulullah SAW itu bercanggah buat selama-lamanya sekiranya dijumpai kaedah agar kedua-duanya dapat diamalkan, maka kita tidak boleh membatalkan salah satu daripada dua hadith itu kerana kewajipan kita beramal dengan kesemua hadith. Tidak harus kita kekalkan percanggahan melainkan perkara yang tidak boleh diamalkan buat selama-lamanya”.¹⁶

Beliau turut menjelaskannya dalam *al-Risālah* sebagaimana berikut:

“Sesungguhnya tidak dinamakan dua hadith sebagai bercanggah selagi mana kedua-duanya wujud persamaan yang boleh menyatukannya. Sebaliknya, yang dinamakan percanggahan ialah hadith yang tidak dapat disatukan melainkan dengan menggugurkan hadith yang lainnya. Seumpama dua hadith dalam satu perkara; hadith ini menghalalkannya dan hadith ini pula mengharamkannya”.¹⁷

Pada definisi pertama, al-Shāfi'ī menunjukkan bahawa *Mukhtalif al-Ḥadīth* ialah hadith yang bercanggah dengan hadith

¹⁴ Muḥammad bin Mukarram Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Beirut: Dār al-Ṣādir, 1993), 9:82.

¹⁵ Beliau turut merupakan tokoh pertama yang menulis ilmu *Mukhtalif al-Ḥadīth* secara sistematik melalui karyanya yang berjudul *Ikhtilāf al-Ḥadīth* dan karya ini menjadi rujukan utama dalam ilmu ini. Lihat al-Suyūṭī, *Tadrīb al-Rāwī*, 2:196. Al-Dusārī, *Qawā'id Raf' al-Ikhtilāf*, 24. Al-'Irāqī, *Sharḥ al-Tabṣīrah wa al-Tadhkirah*, 2:108. Al-Sakhāwī, *Fath al-Mughīth*, 4:67 ; Muḥammad bin Ja'far al-Kattānī, *Al-Risālah al-Mustatrafah li Bayān Mashhur Kutub al-Sunnah al-Muṣannafah* (cet. 4, Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, 1986), 158.

¹⁶ Muḥammad ibn Idrīs al-Shāfi'ī, “Ikhtilāf al-Ḥadīth” dalam *al-Umm*, ed. Rif'āt Fawzī 'Abd al-Muṭālib (Beirut: Dār Ibn Hazm, 2011), 10: 272.

¹⁷ Muḥammad ibn Idrīs al-Shāfi'ī, *Al-Risālah*, ed. Ahmad Muḥammad Shākīr, (Kaherah: Maktabah al-Shurūq al-Dawliyyah, 2005), 370.

yang lain, namun mampu dileraikan percanggahan tersebut sehingga kedua-duanya mampu diamalkan dan tiada hadith yang ditinggalkan sekiranya mampu. Pada definisi kedua pula, beliau menjelaskan bahawa terdapat hadith bercanggah yang memerlukan salah satu hadith digugurkan iaitu tidak diamalkan. Daripada dua definisi ini, ia menunjukkan bahawa terdapat percanggahan hadith yang mampu diharmonikan dan diamalkan kesemuanya, serta terdapat juga percanggahan yang memerlukan salah satu hadith digugurkan.¹⁸

Al-Hakim (m. 405H) turut mendefinisikan *Mukhtalif al-Hadith* sebagaimana berikut:

“Satu jenis ilmu daripada ilmu-ilmu bagi mengetahui sunah-sunah Rasulullah SAW yang bercanggah dengan seumpamanya, lalu pengikut mazhab menjadikan salah satu daripadanya sebagai hujah. Sedangkan hal kedua-duanya sama dari sudut kesahihan dan ke-*da’if-an*”.¹⁹

Berdasarkan definisi tersebut, al-Hakim menetapkan bahawa *Mukhtalif al-Hadith* merupakan hadith-hadith yang bercanggah sehingga salah satu hadith sahaja yang dijadikan hujah. Lebih daripada itu, al-Hakim turut meletakkan syarat bahawa kedua-dua hadith yang bercanggah mestilah mempunyai persamaan daripada sudut kesahihan dan ke-*da’if-annya*.

Berdasarkan dua definisi yang dikemukakan oleh dua tokoh besar ilmu hadith daripada kalangan *mutaqaddimīn*,²⁰ al-Shāfi‘ī

¹⁸ Berkaitan hal ini, al-Shāfi‘ī menyatakan sebagaimana berikut:

“Yang paling utama, seseorang berilmu tidak ragu-ragu terhadap ketetapan al-Sunnah dan menyedari bahawa hukum-hakam Allah SWT dan hukum hakam rasul-Nya tidak bercanggah dan ia bergerak di atas contoh yang satu”. Kenyataan ini turut ditegaskan oleh para *fuqahā’*, *usuliyīn* dan *muhaddithīn* sebagaimana yang dinyatakan oleh Nafidh Hammad dan al-Dusāri. Bahkan mereka menisbahkan percanggahan ini berlaku berpunca daripada pada pandangan para *mujtahid* sahaja. Lihat al-Shāfi‘ī, *al-Risālah*, 234. Nafidh Hammad, *Mukhtalif al-Hadith Bayn al-Fuqahā’ wa al-Muhaddithīn* (Beirut: Dār al-Nawādir, 2009), 32. Al-Dusāri, *Qawā’id Raf’ al-Ikhtilāf*, 25.

¹⁹ Al-Hākīm, *Ma’rifah ‘Ulūm al-Hadīth*, 122.

²⁰ Al-Malyabārī menjelaskan maksud *al-mutaqaddimīn* sebagaimana berikut: “Sesiapa yang mempraktikkan bahagian pertama iaitu penilaian berdasarkan zahir sanad dalam mensahihkan dan mendaifkan hadith, maka dia berdasarkan manhaj *al-Muta’akhhirīn*, sekalipun dia berada pada zaman riwayat. Sebaliknya sesiapa yang mempraktikkan bahagian kedua iaitu berpegang dengan bukti-bukti tersebut, maka dia berdasarkan manhaj *al-*

dan al-Ḥākim mempunyai pandangan yang sama berkaitan *Mukhtalif al-Ḥadīth* iaitu hadith-hadith yang bercanggah. Namun al-Shāfi'ī berpandangan bahawa penyelesaian terhadap percanggahan tersebut tidak hanya terhad kepada pengguguran salah satunya sebagaimana pandangan al-Hakim, bahkan perlu mengutamakan agar kedua-dua hadith mampu diharmonikan sehingga kedua-duanya dapat diamalkan. Berbanding dengan al-Shāfi'ī, al-Ḥākim menetapkan di dalam definisinya bahawa kedudukan kedua-dua hadith mestilah sama daripada sudut kesahihan dan ke-*da'if*-annya.

Seterusnya, berdasarkan dasar yang dikemukakan oleh al-Shāfi'ī di atas, Ibn Salah (m. 643H) membahagikan *Mukhtalif al-Ḥadīth* kepada dua bahagian:

- i. Sesuatu yang berkemungkinan boleh diharmonikan secara *al-Jam'* antara dua hadith yang berselisih.
- ii. Sesuatu yang berbercanggah sehingga tidak mampu diharmonikan antara kedua-dua hadith tersebut. Lalu diaplikasikan penyelesaian berdasarkan *al-Naskh* dan *al-Tarjih*.²¹

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa Ibn Ṣalāḥ turut memasukkan hadith yang bercanggah namun boleh diharmonikan ke dalam perbincangan *Mukhtalif al-Ḥadīth*. Dalam hal ini juga, pengkaji mendapati al-Shāfi'ī dan Ibn Ṣalāḥ tidak mengemukakan definisi yang jelas berkaitan *Mukhtalif al-Ḥadīth*, sebaliknya sekadar membincangkan dari sudut pembahagian *Mukhtalif al-Ḥadīth*.

Hal ini berbeza dengan al-Nawāwī (m. 676H), dimana beliau mengemukakan definisi yang lebih jelas. Menurut beliau, *Mukhtalif al-Ḥadīth* ialah:

“Dua hadith yang bercanggah pada maknanya secara zahir, lalu diharmonikan antara kedua-duanya atau dikuatkan salah satunya”.²²

Mutaqaddimin, sekalipun dia berada pada zaman kontemporari”. Lihat Hamzah ‘Abd Allāh al-Malyabārī, *al-Muwāzanah Bayna al-Mutaqaddimīn wa al-Muta’akhhirīn fī Taṣṥīḥ al-Aḥādīth wa Ta’līliha* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2001), 18.

²¹ Ibn Ṣalāḥ, *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ*, 262-263.

²² Al-Nawāwī, *Al-Taqrīb wa al-Taysīr*, 90.

Definisi ini meletakkan tiga aspek dalam *Mukhtalif al-Hadīth* iaitu hadith yang bercanggah, percanggahan secara zahir dan hadith-hadith tersebut dapat diharmonikan atau dikuatkan salah satunya.²³

Pada akhir fasa kematangan dan penyempurnaan pembukuan seni '*Ulūm al-Hadīth*,²⁴ Ibn Hajar al-'Asqalānī (m. 852H) mengemukakan definisinya dengan lebih terperinci sebagaimana berikut:

“Hadith *Maqbūl* terbahagi kepada yang diamalkan dan yang tidak diamalkan. Sekiranya ia terselamat daripada sebarang percanggahan iaitu tidak datang hadith yang bercanggah dengannya maka ia merupakan hadith *al-muḥkam*, contoh-contohnya banyak. Sekiranya terdapat percanggahan, maka tidak terlepas sama ada wujudnya percanggahan itu adalah *maqbūl* seumpamanya atau ia *mardūd*. Bagi percanggahan yang kedua (iaitu *mardūd*), ia tidak memberi kesan kerana hadith yang kuat tidak terkesan dengan percanggahan dengan hadith lemah. Namun, seandainya percanggahan dengan hadith yang sama kedudukannya, maka ia tidak terlepas daripada kemungkinan, sama ada mampu diharmonikan antara dua dalil tanpa melampau atau tidak. Sekiranya mampu diharmonikan, maka bahagian ini dinamakan sebagai *Mukhtalif al-Hadīth*.²⁵

²³ Berdasarkan definisi ini jugalah, ramai daripada *al-muhaddithin* yang mengguna pakai definisi ini seperti Ibn Jama'ah, al-Tibrizī, al-'Irāqī, al-Suyūfī dan lain-lain. Demikian juga para pengkaji hadith kontemporari seperti Nafidh Hammad. Lihat Muḥammad bin Ibrāhīm Ibn Jama'ah, *Al-Manhal al-Rāwī fī Mukhtaṣar 'Ulūm al-Hadīth al-Nabāwī*, ed. Mahy al-Dīn 'Abd al-Raḥman Ramādān (Damsyik: Dār al-Fikr, 1983), 60. Abū al-Ḥasan 'Alī bin Abī Muḥammad 'Abd Allāh al-Tibrizī, *Al-Kāfī fī 'Ulūm al-Hadīth*, ed. Abū 'Ubaydah Mashhūr bin Ḥasan 'Alī Salmān (Amman: al-Dār al-Athāriyyah, 2008), 298. Al-'Irāqī, *Sharḥ al-Tabṣirah wa al-Tadhkīrah*, 2:108. Al-Suyūfī, *Tadrīb al-Rāwī*, 2: 196. Nafidh Hammad, *Mukhtalif al-Hadīth*, 17.

²⁴ Sebagaimana yang dinyatakan oleh Nūr al-Dīn 'Itr. Lihat Nūr al-Dīn 'Itr, *Manhaj al-Naqd 'Inda 'Ulamā' al-Hadīth* (Beirut: Dār al-Fikr, 1979), 65-69.

²⁵ Ibn Hajar, *Nuzhah al-Nazar*, 76.

Definisi yang dikemukakan oleh Ibn Hajar di atas telah mengeluarkan percanggahan antara hadith *maqbul* dan *mardud* dalam perbincangan *Mukhtalif al-Hadith* sebagaimana al-Hakim.²⁶

Akhirnya, pengkaji menyimpulkan definisi *Mukhtalif al-Hadith* ialah hadith *Maqbul* yang bercanggah dengan hadith yang seumpamanya dengan percanggahan secara zahir sahaja.

Skop dan Metodologi

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menetapkan skop kajian agar lebih terfokus dan terarah. Oleh itu, kajian ini secara spesifik hanya memfokuskan perbincangan terhadap tertib *al-Jam'* dan *al-Naskh* dalam *Mukhtalif al-Hadith* berdasarkan makalah yang dihasilkan oleh Sharaf al-Qudāh yang berjudul *Ilm Mukhtalif al-Hadith: Usuluh wa Qawā'iduh* sahaja. Pemilihan makalah tersebut adalah atas justifikasi perbincangannya yang berbentuk terperinci berkaitan dengan tertib *al-Jam'* dan *al-Naskh*. Hal ini bermakna makalah tersebut disorot perbincangannya untuk dilakukan analisis secara khusus sekaligus menandakan bahawa karya-karya beliau yang lain tidak akan dirujuk melainkan ketika perlu iaitu sebagai sokongan sahaja. Justeru, berdasarkan pemerhatian terhadap karya-karya beliau, pengkaji mendapati tidak terdapat perbincangan yang lebih terperinci berkaitan kajian ini melainkan dalam makalah ini sahaja. Malah, dalam penulisan beliau yang bertajuk *al-Minhaj al-Hadith fi 'Ulūm al-Hadith* memperlihatkan bahawa beliau sendiri didapati turut menyarankan agar para pembaca merujuk kepada makalah ini untuk mendapatkan penjelasan yang lebih mendalam berkaitan perbincangan *Mukhtalif al-Hadith* dan tertib penyelesaiannya.²⁷ Selain itu, kajian ini turut membataskan perbincangan kepada manhaj *muḥaddithīn* sahaja. Hal ini secara tidak langsung

²⁶ Definisi ini jugalah yang digunapakai oleh Shabbir bin Ahmad al-'Uthmānī al-Hindī, Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Abādī, Munīrah al-'Iskir dan lain-lain. Rujuk Shabbir bin Ahmad al-'Uthmānī, *Mabādi' 'Ilm al-Hadith wa Usūluh*, ed. 'Abd al-Faṭṭāh Abū Ghudāh (Kaherah: Dār al-Salam, 2016), 302-303. Muḥammad Abū al-Layth, *'Ulūm al-Hadith*, 305. Munīrah bint 'Abd Allāh bin Šālih al-'Iskir, *Mukhtalif al-Hadith Inda al-Qādī Ibn al-'Arabī fi Kitābihi al-Masālik fi Sharḥ Muwaṭṭā' Mālik: Jam' wa Dirāsah*, (tesis kedoktoran, Jāmi'ah al-Mālik Sa'ūd, Su'ūdī, 2015), 18-20.

²⁷ Sharaf al-Qudāh, *Al-Minhaj al-Hadith fi 'Ulūm al-Hadith*, 138.

memberi indikasi bahawa manhaj para sarjana lain seperti manhaj *fuqahā'* dan lain-lain tidak termasuk dalam kajian ini.

Artikel ini mengaplikasikan kaedah kajian kepustakaan melalui reka bentuk analisis kandungan dalam proses pengumpulan data-data yang berkaitan dengan tertib *al-Jam'* dan *al-Naskh* dalam *Mukhtalif al-Ḥadīth*. Pengkaji mengumpulkan pelbagai pandangan dalam kalangan *muḥaddithīn* berdasarkan karya-karya utama *Muṣṭalah al-Ḥadīth* tentang isu berkenaan. Kemudian, data-data yang diperolehi daripada pelbagai sumber primer dan sekunder tersebut dianalisis berdasarkan kaedah induktif dan deduktif agar dapat menghasilkan satu analisis kesimpulan secara menyeluruh terhadap isu tertib *al-Jam'* dan *al-Naskh* dalam *Mukhtalif al-Ḥadīth* yang dikemukakan oleh Sharaf al-Qudāh.

Hasil dan Dapatan

Tertib *al-Jam'* dan *al-Naskh* Menurut *Muḥaddithīn* dalam Karya *Muṣṭalah al-Ḥadīth*

Para ulama bersepakat bahawa terdapat tiga manhaj dalam penyelesaian *Mukhtalif al-Ḥadīth* iaitu *al-Jam'*, *al-Naskh* dan *al-Tarjih*.²⁸ Manakala tertib manhaj secara umumnya daripada kalangan *muḥaddithīn* sebagaimana berikut:

- i. Manhaj *al-Jam'*
- ii. Manhaj *al-Naskh*
- iii. Manhaj *al-Tarjih*²⁹

Walaupun demikian, tertib ini tidaklah diterima secara mutlak. Hal ini demikian kerana terdapat perbezaan daripada kalangan ulama hadith tatkala mengemukakan tertib tersebut. Sebahagian *muḥaddithīn* di dalam karya-karya *Muṣṭalah al-Ḥadīth* menetapkan secara jelas *al-Jam'* merupakan manhaj pertama yang dipraktikkan dalam penyelesaian *Mukhtalif al-Ḥadīth*, seterusnya *al-Naskh* dan *al-Tarjih*.³⁰ Sebahagian *Muḥaddithīn* yang lain pula tidak menetapkan tertib sedemikian, sebaliknya mereka

²⁸ Al-Dusārī, *Qawā'id Raf' al-Ikhtilāf*, 177.

²⁹ Al-'Irāqī, *Sharḥ al-Tabṣīrah wa al-Tadhkīrah*, 2:109. Al-Sakhāwī, *Fath al-Mughīth*, 4:67-70. Ibn Ḥajar, *Nuzḥah al-Nazar*, 79. Muḥammad Abū al-Layth, *Ulūm al-Ḥadīth*, 309.

³⁰ Muḥammad Abū al-Layth, *Ulūm al-Ḥadīth*, 309.

membahagikan penyelesaian *Mukhtalif al-Hadīth* kepada dua bahagian:

- i. Yang mampu diaplikasikan *al-Jam'*.
- ii. Yang tidak mampu diaplikasikan *al-Jam'*, iaitu penyelesaian berdasarkan manhaj *al-Naskh* dan *al-Tarjīh*.³¹

Berdasarkan dua pendekatan dalam perbentangan para *muḥaddithīn* di dalam karya-karya *Muṣṭalah al-Ḥadīth*, maka ia membuka ruang terhadap penentuan manhaj pertama yang mesti diaplikasikan dalam penyelesaian *Mukhtalif al-Ḥadīth* sama ada secara *al-Jam'* atau pun *al-Naskh*. Oleh yang demikian, manhaj *al-Jam'* tidak semestinya menjadi manhaj pertama yang perlu diaplikasikan secara mutlak dalam penyelesaian *Mukhtalif al-Ḥadīth*. Namun para *muḥaddithīn* tidak berselisih pandangan bahawa manhaj *al-Tarjīh* diaplikasikan selepas *al-Naskh*.

Tambahan pula, terdapat hadith-hadith bercanggah yang mustahil dapat diharmonikan melalui manhaj *al-Jam'* disebabkan percanggahan yang nyata. Al-Shāfi'ī menyatakan hal tersebut sebagaimana berikut:

“Apabila dua hadith tiada kemungkinan melainkan wujudnya perbezaan sebagaimana perbezaan kiblat menghadap ke Baitul Maqdis dan Baitul Haram, maka salah satunya adalah *Nāsikh* dan keduanya adalah *Mansūkh*”.³²

Berdasarkan contoh perbezaan arah kiblat tersebut, maka manhaj *al-Jam'* sama sekali tidak boleh diaplikasikan sekalipun ia disenaraikan di dalam sebahagian kitab *Muṣṭalah al-Ḥadīth* sebagai manhaj yang pertama. Oleh itu, manhaj *al-Naskh* hendaklah diutamakan. Keputusan ini turut ditegaskan oleh al-Suyuti sebagaimana kenyataan berikut:

³¹ Ibn Ṣalāh, *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāh*, 262-263. ‘Abd al-Raḥīm bin al-Ḥusayn al-‘Irāqī, *Al-Taḥqīd wa al-Idāh Sharḥ Muqaddimah Ibn al-Ṣalāh*, ed. ‘Abd al-Raḥman Muḥammad ‘Uthmān (Madinah: al-Maktabah al-Salāfiyyah, 1969), 285-286. Al-Nawāwī, *Irshād Ṭullab al-Ḥaqā’iq*, 573-572. Abū Ḥafs ‘Umar bin Aḥmad Ibn al-Mulaqqīn, *Al-Mughnī’ fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, ed. ‘Abd Allāh bin Yūsuf al-Juday’ (Arab Saudi: Dār Fawwaz, 1992), 2:481-482. Al-Suyūṭī, *Tadrīb al-Rāwī*, 2:197-198. Ibn Jamā‘ah, *Al-Manhal al-Rāwī*, 60-61. Al-Tibrizī, *Al-Kāfī fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, 298-304. Ibn Kathīr, *Ikhtisār ‘Ulūm al-Ḥadīth*, 170.

³² Al-Shāfi'ī, *Ikhtilāf al-Ḥadīth*, 40.

“Tidak boleh *al-Jam‘* antara kedua-dua hadith dengan mana-mana kaedah, sekiranya kita mengetahui salah satunya merupakan *Nāsikh* dengan kaedah yang telah lalu, maka kami dahulukannya”,³³

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, apabila dua hadith bercanggah dalam bentuk percanggahan yang nyata, maka manhaj *al-Naskh* perlu diutamakan berbanding manhaj *al-Jam‘*. Walau bagaimana pun, *al-Naskh* yang diutamakan berbanding *al-Jam‘* ialah apabila *al-Naskh* tersebut disebutkan secara nas dan jelas.

1) Perbincangan Tentang *al-Jam‘*

Al-Jam‘ daripada sudut bahasa merupakan kata dasar daripada perkataan *ja-ma-‘a*. Perkataan ini mempunyai pelbagai makna, antaranya ialah menghimpunkan sesuatu dengan cara mendekatkan sebahagian dengan sebahagian yang lain,³⁴ menyatukan sesuatu yang terpisah,³⁵ menghimpunkan sesuatu daripada sini dan sana sekalipun tidak menjadikan ia seumpama sesuatu yang sama³⁶ dan keazaman.³⁷

Al-Jam‘ daripada sudut istilah pula mempunyai pelbagai definisi sebagaimana yang telah dikemukakan oleh para *muhaddithīn*. Al-Shāfi‘ī mengemukakan maksud *al-Jam‘* sebagaimana berikut:

“Kami tidak temui sesuatu daripadanya (Nabi Muhammad SAW) dua perkara yang bercanggah lalu kami mampu menyelesaikan percanggahannya- melainkan kami dapat menemui satu sudut yang dapat difahami bahawa ia tidaklah bercanggah dan ia termasuk dalam salah satu jenis-jenis yang telah kami sebutkan kepada kamu”.³⁸

³³ Al-Suyūṭī, *Tadrīb al-Rāwī*, 198. Selain al-Suyūṭī, Ibn Kathīr turut mempunyai pandangan yang sama. Lihat Ibn Kathīr, *Ikhtisār ‘Ulūm al-Hadīth*, 170.

³⁴ Aḥmad bin Fāris bin Zakariyyā Ibn Fāris, *Mu‘jam Maqāyis al-Lughah*, ed. ‘Abd al-Salam Muḥammad Hārūn (Kaherah: Dār al-Fikr, 1979), 1:479.

³⁵ Muḥammad bin Ya‘qūb al-Fayrūz Abādī, *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, ed. Muḥammad Na‘īm al-‘Arqasusi (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2005), 68. Ibn Manẓūr, *Lisān al-‘Arab*, 1:45.

³⁶ Al-Fayrūz Abādī, *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, 68.

³⁷ Muḥammad bin Abī Bakr al-Rāzī, *Mukhtār al-Ṣiḥaḥ* (Beirut: Maktabah Lubnān Nashirun, 1995), 119.

³⁸ Al-Shāfi‘ī, *Al-Risālah*, 272.

Selain al-Shāfi'ī, al-Nawāwī turut menjelaskan bahawa *al-Jam'* ialah dua hadith yang boleh diselaraskan dan wajib beramal dengan kedua-duanya, sekalipun ucapannya dapat difahami secara lebih umum untuk sesuatu faedah.³⁹

Berdasarkan definisi yang dikemukakan oleh al-Shāfi'ī dan al-Nawāwī, kedua-duanya sekadar menyebut dasar utama dalam aplikasi manhaj *al-Jam'* iaitu menafikan percanggahan antara dua hadith dengan mengharmonikan dan menyelaraskan dua hadith tersebut. Lantas kedua-dua hadith tersebut dapat diamalkan tanpa perlu membatalkan salah satunya.

2) Perbincangan Tentang al-Naskh

Al-Naskh merupakan satu perkataan yang berasal daripada *nasakha-yansukhu*. Perkataan ini mendatangkan dua maksud: iaitu menghilangkan atau menyalin sesuatu.⁴⁰ Daripada sudut istilah pula, *muḥaddithīn* memberikan beberapa pelbagai definisi dengan ungkapan yang pelbagai. Bahkan penggunaan lafaz *al-Naskh* antara *salaf* dan *khalaf* juga berbeza penggunaannya.

Menurut Ibn al-Qayyīm, lafaz *al-Naskh* yang digunakan oleh *salaf* bagi menunjukkan *takhsis al-'am*, *taqyīd al-mutlaq*, *bayān al-mujmal*, *istithna'* dan bentuk-bentuk yang dapat menghilangkan percanggahan hadith yang berlaku.⁴¹

³⁹ Yaḥyā ibn Sharaf al-Nawāwī, *Al-Minhaj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj* (Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabi, 1932), 1:35.

⁴⁰ Muḥammad bin Muḥammad bin 'Abd al-Razzāq al-Zābidī, *Tāj al-'Arūs min Jawāhir al-Qāmūs* (Beirut: Dār al-Hidāyah, t.t.), 7:355.

⁴¹ Ibn al-Qayyīm menyebutkan perkara ini sebagaimana berikut: "Yang dimaksudkan oleh sekalian *Salaf* berkaitan *al-Nāsikh wa al-Mansūkh* ialah kadang-kadang menghilangkan hukum secara umum -ia merupakan istilah *Muta'akhirin-* dan kadang-kadang menghilangkan petunjuk *al-'Am*, *al-Mutlaq*, *al-Zāhir* dan selainnya: sama ada dengan *Takhsis*, *Taqyīd*, memahami *Mutlaq* secara *Muqayyad* atau huraian dan penjelasannya. Sehingga mereka menamakannya sebagai *Istithnā'*, syarat dan sifat sebagai *Nasakh* kerana hal demikian mengandungi maksud menghilangkan petunjuk zahir dan menjelaskan maksudnya."

Hal ini turut ditegaskan oleh al-Shātibī dan beliau mengemukakan beberapa contoh berdasarkan aplikasi para *salaf* dalam mengaplikasikan *al-Naskh*. Lihat Muḥammad bin Abī Bakr al-Jawziyah Ibn al-Qayyīm, *I'lam al-Muqī'in 'an Rabb al-'Alamīn*, ed. Abū 'Ubaydah Mashhūr bin Ḥasan 'Alī Salmān (Arab Saudi: Dār Ibn al-Jawzī, 2002), 2:66. Ibrāhīm bin Mūsā bin Muḥammad al-Ghirmāfī al-Shātibī, *Al-Muwāfaqāt*, ed. Mashhūr bin Ḥasan 'Alī Salmān (Madinah: Dār Ibn 'Affān, 1997), 3:344.

Walaupun demikian, Nafidh Hammad berpandangan bahawa kenyataan tersebut bercanggah dengan praktikal al-Shāfi‘ī yang merupakan antara tokoh besar *salaf*.⁴² Menurutnyalagi, al-Shāfi‘ī telah menulis tentang *al-Naskh* dan mengemukakan bukti serta contoh yang praktikal bagi menjelaskan bahawa terdapat perbezaan berkaitan *al-Naskh* dengan *al-‘umum* dan *al-khusūṣ*. Bahkan beliau juga menjelaskan perbezaan antara *al-Naskh* dengan kefahaman yang luas di sisi para sahabat dan tabi’in.⁴³

Walaupun demikian, pengkaji mendapati al-Shāfi‘ī tidak menyebut definisi *al-Naskh* secara jelas di dalam *Ikhtilaf al-Ḥadīth* berdasarkan definisi *al-muta’akhirīn*,⁴⁴ namun beliau menyatakan definisinya di dalam *al-Risālah* secara ringkas, iaitu: “Makna *al-Nasakh* ialah meninggalkan kefarduannya”.⁴⁵

Menurut Maḥmud Ṣidqī al-Habbash, berdasarkan makna yang telah dikemukakan oleh al-Shāfi‘ī, ia selari dengan makna *al-*

⁴² Al-Shāfi‘ī diiktiraf sebagai seorang yang mahir dalam ilmu *al-Naskh*, sebagaimana kenyataan Aḥmad bin Hanbal sebagaimana berikut:

“Kami tidak mengetahui berkaitan *al-Mujmal* berbanding *al-Mufassar* dan kami tidak mengetahui *Nāsikh al-Ḥadīth* berbanding *Mansūkhnya*, sehinggalah kami duduk bersama al-Shāfi‘ī”.

Lebih daripada itu, al-Nawāwī menegaskan bahawa al-Shāfi‘ī merupakan orang pertama yang membicarakan ilmu ini. Lihat: Ibn Ṣalāh, *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāh*, 256. Al-Nawāwī, *Irshād Ṭullab al-Ḥaqā’iq*, 185. Al-Dusārī, *Qawā’id Raf’ al-Ikhtilāf*, 293.

⁴³ Selain Nafidh Husayn Hammad, al-Dusārī turut berpandangan bahawa kitab *al-Risālah* karangan al-Shāfi‘ī menjelaskan makna *al-Naskh* dan beliau membezakan penggunaan tersebut dengan mengemukakan definisi dan contoh yang praktikal lagi terang bahawa *al-Naskh* bukanlah *al-Takhṣīṣ*, *al-Taqyīd* dan *Istithnā’*. Lihat Nafidh Hammad, “Manhaj al-Imām al-Shāfi‘ī fī Nāsikh al-Ḥadīth wa Mansūkhīhi”, dalam *Mu’tamar al-Imām al-Shāfi‘ī*, ed. Shādī Hamzah Tabazah (Kuliyyah al-Ādāb wa al-‘Ulūm al-Insāniyyah, Jāmi‘ah al-Aqsa, 2012), 191. Al-Dusārī, *Qawā’id Raf’ al-Ikhtilāf*, 293.

⁴⁴ Al-Shāfi‘ī berkata:

“Pada hadīth *Nāsikh wa Mansūkh*, sebagaimana yang saya sifatkan dalam bab *Qiblat*, ia dimansuhkan dengan menghadap *al-Bayt al-Ḥarām*. Apabila dua hadīth tidak dapat difahami melainkan terdapat perbezaan, sebagaimana perbezaan kiblat ke arah *al-Bayt al-Maqḍīs* dan *al-Bayt al-Ḥarām*, maka yang pertamanya adalah *Nāsikh* dan keduanya adalah *Mansūkh*”.

Lihat, al-Shāfi‘ī, *Ikhtilaf al-Ḥadīth*, 40.

⁴⁵ Al-Shāfi‘ī, *al-Risālah*, 194. Penulis mendapati beliau menumpukan kepada contoh-contoh yang praktikal sebagaimana yang dibentangkan dalam bab *Ibtidā’ al-Nāsikh wa al-Mansūkh* dan bab seterusnya. Lihat, al-Shāfi‘ī, *Al-Risālah*, 181-213.

Naskh di sisi para ulama dan *usuliyin* yang datang selepas beliau.⁴⁶ Antara *muhaddithin* yang mengemukakan definisi ini ialah Ibn al-Ṣalāh sebagaimana berikut:

“Satu ungkapan berkaitan Rasulullah SAW yang membatalkan sesuatu hukum syarak yang terdahulu dengan hukum yang terkemudian”.⁴⁷

Menurut Ibn al-Ṣalāh, definisi ini merupakan definisi yang selamat daripada kritikan dan merangkumi definisi yang lain. Definisi ini menjadi pilihan bagi al-Nawāwī,⁴⁸ al-‘Irāqī,⁴⁹ al-Jurjānī,⁵⁰ Ibn Ḥajar⁵¹ dan al-Sakhāwī.⁵²

Analisis Tertib *al-Jam' dan al-Naskh* dalam *Mukhtalif al-Hadīth* Menurut Sharaf al-Quḍāh

Sharaf al-Quḍāh membincangkan manhaj penyelesaian terhadap percanggahan antara hadith dan dalil-dalil yang lain di bawah tajuk *ḥukm Mukhtalif al-Hadīth*.⁵³ Melalui perbincangan ini, beliau mengemukakan tiga pandangan para ulama dalam menentukan tertib penyelesaian terhadap hal ini sebagaimana berikut:

- i. Pandangan *muhaddithin*
Iaitu berdasarkan tertib berikut: *al-Jam' wa al-Tawfiq*, *al-Naskh*, *al-Tarjih* dan *al-Tawaqquf* atau *al-Radd*.
- ii. Pandangan *jumhur usūliyyin*
Iaitu berdasarkan tertib berikut: *al-Jam' wa al-Tawfiq*, *al-Tarjih*, *al-Naskh* dan *al-Radd*, memilih salah satunya atau melakukan sekali bagi semua keadaan.
- iii. Pandangan *al-ḥanafīyyah*
- iv. Iaitu berdasarkan tertib berikut: *al-Naskh*, *al-Tarjih*, *al-Jam'* dan *al-Tasaqut*.⁵⁴

⁴⁶ Maḥmūd Sīdqī al-Ḥabbash, *Al-Muwāzanah Bayna Manhajay al-Imāmayn al-Shāfi'ī wa Ibn Qutaybah min Khilal Kitābayhima Ikhtilāf al-Hadīth wa Ta'wīl Mukhtalif al-Hadīth* (disertasi, al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah Ghazzah, Palestin, 2001), 349.

⁴⁷ Ibn Ṣalāh, *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāh*, 257.

⁴⁸ Al-Nawāwī, *Irshād Ṭullab al-Ḥaqā'iq*, 185.

⁴⁹ Al-‘Irāqī, *Sharḥ al-Tabṣīrah wa al-Tadhkīrah*, 96.

⁵⁰ ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Alī al-Zayn al-Sharīf al-Jurjānī, *Kitāb al-Ta'rīfāt* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1983), 240.

⁵¹ Ibn Ḥajar, *Nuzḥah al-Nazar*, 78.

⁵² Al-Sakhāwī, *Fath al-Mughīth*, 4: 47-48.

⁵³ Sharaf al-Quḍāh, *‘Ilm Mukhtalif al-Hadīth*, 13-27.

⁵⁴ Sharaf al-Quḍāh, *‘Ilm Mukhtalif al-Hadīth*, 13-14.

Berdasarkan tiga pandangan tersebut, Sharaf al-Quḍāh telah menegaskan bahawa pandangan *muḥaddithīn* merupakan pandangan yang lebih hampir kepada kebenaran.⁵⁵ Setelah beliau membentangkan tertib tersebut, lantas beliau menganalisis setiap pandangan yang dikemukakan tersebut. Melalui analisis tersebut, Sharaf al-Quḍāh telah membuat perbezaan antara *al-Naskh* yang mengandungi penjelasan daripada Nabi Muhammad SAW atau sahabat dengan *al-Naskh* yang diketahui berdasarkan tarikh. Dalam hal ini, beliau mendahulukan *al-Naskh* yang jelas berbanding *al-Jam' wa al-Tawfiq*. Sebaliknya, *al-Naskh* yang tidak jelas maka diletakkan selepas *al-Jam' wa al-Tawfiq*.⁵⁶

Berdasarkan analisis tersebut, Sharaf al-Quḍāh telah mengemukakan tertib manhaj *Mukhtalif al-Ḥadīth* yang menurut beliau ia merupakan pandangan yang *al-rajih*. Tertib tersebut adalah sebagaimana berikut:

- i. Menolak hadith *da'if*
- ii. *Al-Naskh al-Ṣarīh*
- iii. *Al-Jam'*
- iv. *Al-Naskh Ghayr al-Ṣarīh*
- v. *Al-Tarjīh*
- vi. *Al-Tawaqquf*.⁵⁷

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh Sharaf al-Quḍāh di atas, pengkaji memfokuskan kepada dua aspek utama yang berkaitan dengan kajian ini sebagaimana berikut:

[Pertama] Pembahagian al-Naskh Antara al-Naskh al-Ṣarīh dan al-Naskh Ghayr al- al-Ṣarīh

Kedudukan tertib manhaj *al-Naskh* yang mesti diutamakan adalah tertib yang tidak mutlak sebagaimana manhaj *al-Jam'*. Justeru, keutamaan manhaj *al-Naskh* berbanding manhaj *al-Jam'* memerlukan perincian yang lebih lanjut. Oleh yang demikian, Sharaf al-Quḍāh membezakan *al-Naskh* kepada dua aspek iaitu *al-*

⁵⁵ Sharaf al-Quḍāh, *ʿIlm Mukhtalif al-Ḥadīth*, 14.

⁵⁶ Dalam hal ini beliau berpandangan bahawa tidak sah mengaplikasikan *al-Jam' wa al-Tawfiq* terhadap hadith yang melarang menziarahi kubur dengan hadith yang membenarkannya, kerana telah jelas bahawa perkara kedua itu telah memansuhkan perkara yang pertama. Lihat Sharaf al-Quḍāh, *ʿIlm Mukhtalif al-Ḥadīth*, 14.

⁵⁷ Sharaf al-Quḍāh, *ʿIlm Mukhtalif al-Ḥadīth*, 17.

Naskh al-Ṣarīḥ dan *al-Naskh Ghayr al-Ṣarīḥ*.⁵⁸ Perbezaan inilah yang menjadi pemisah antara tertib manhaj *al-Naskh* dalam menyelesaikan percanggahan antara hadith-hadith. Hal ini ditegaskan oleh al-Laknāwī sebagaimana berikut:

“*Al-Naskh* secara hakiki tidak akan berlaku melainkan dengan nas daripada *al-Shari'* yang menunjukkan hadith ini *Nāsikh* kepada hadith ini, atau sesuatu yang menunjukkan bukti yang jelas *al-Naskh* atau petunjuk yang berdiri di atas nas *al-Shari'* secara jelas. Selain daripada perkara tersebut, maka tidak berani sama sekali untuk menyatakan *al-Naskh* terhadap nas syariat, bahkan dituntut kaedah-kaedah *al-Jam'* antara hadith-hadith dengan isyarat-isyarat syarak”.⁵⁹

Kenyataan al-Laknāwī ini jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dalam penentuan *al-Naskh*. Dimana penggunaan istilah '*al-Naskh Haqiqah*' ini merujuk kepada *al-Naskh al-Ṣarīḥ* yang memberi implikasi dalam tertib manhaj penyelesaian *Mukhtalif al-Ḥadīth*. Perbezaan *al-Naskh al-Ṣarīḥ* dan *al-Naskh Ghayr al-Ṣarīḥ* ini turut dipersetujui oleh para pengkaji hadith kontemporari.⁶⁰

⁵⁸ Bahkan para *fuqahā'* seperti 'Abd al-Karīm Zaydān turut membahagikan sebagaimana Sharaf al-Qudāh dengan istilah *al-Naskh al-Ṣarīḥ* (jelas) dan *al-Naskh al-Ḍimni* (tersirat). Lihat 'Abd al-Karīm Zaydān, *Al-Wājiz fī Uṣūl al-Fiqh* (Beirut: Muassasah al-Risālah Nashirun, 2013), 307.

⁵⁹ Muḥammad 'Abd al-Hayy al-Laknāwī, *Al-Ajwibah al-Faḍīlah li al-As'ilah al-'Ashrah al-Kamilah*, ed. 'Abd al-Fattāḥ Abū Ghudāh (Beirut: Maktab al-Matbū'at al-Islāmiyyah, 1984), 193.

⁶⁰ Al-Dusārī, *Qawā'id Raf' al-Ikhtilāf*, 322. Sharaf al-Qudāh, *Ilm Mukhtalif al-Ḥadīth*, 16. Al-Laknāwī, *Al-Ajwibah al-Faḍīlah*, 183-184. Mājid bin 'Alī al-Ghāmīdī, “Mukhtalif al-Ḥadīth 'Inda al-Qāḍī 'Iyād min Khilal Kitābihi “Ikmal al-Mu'lim”: Jam'an wa Dirāsah Muqāranah” (disertasi, Jāmi'ah Umm al-Qurā, Arab Saudi, 2015), 65. Jawwad Muḥammad Aḥmad Darwish, “Manhaj Ibn Hajar fī Mukhtalif al-Ḥadīth min Khilal Kitābihi Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī: 'Ard wa Taḥlīl” (disertasi, al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah, Gaza, 2001), 62. 'Abdullah Murtaji; 'Abd Allāh Muṣṭafā Sa'īd, “Manhaj al-Imām al-Bukhārī fī Mukhtalif al-Ḥadīth fī Ṣaḥīḥihi wa al-Muwāzanah Baynahu wa Bayna Manhaj al-Imām al-Tirmidhī fī Mukhtalif al-Ḥadīth fī Jami'ihī” (tesis kedoktoran, Jāmi'ah al-Qur'ān al-Karīm wa al-'Ulūm li al-Islāmiyyah, Sudan, 2000), 71. Hākimah Hāfīzī, *Mukhtalif al-Ḥadīth: Mudhazzikah Muqaddimah li Ṭalabah al-Sanah al-Thālithah* (Algeria: Jāmi'ah al-Amir 'Abd al-Qādir li al-'Ulūm al-Islāmiyyah, 2013), 65. 'Abd Allāh bin Jābir al-Ḥammādī, *Mukhtalif al-Ḥadīth 'Inda al-Imām Ibn 'Abd al-Barr: 'Ard wa Dirāsah* (Riyadh: Dār Kunūz Ishbiliya, 2012), 149.

Berdasarkan kenyataan al-Laknāwī di atas juga, beliau menjelaskan beberapa kriteria yang melayakkan *al-Naskh* itu dikategorikan sebagai *al-Naskh al-Ṣarīh*, antaranya ialah terdapat hadith, bukti atau petunjuk yang jelas yang menunjukkan berlakunya *al-Naskh*. Secara ringkasnya, *al-Naskh* yang dikategorikan sebagai *al-Naskh al-Ṣarīh* adalah sebagaimana berikut:

i) Kenyataan jelas daripada Rasulullah SAW.

Hal ini bermaksud Rasulullah SAW sendiri yang menyatakan secara jelas hadith-hadith yang dimansuhkan dengan hadith-hadith yang lain. Ia merupakan kaedah yang paling kuat mengetahui *al-Naskh*.⁶¹ Hal ini merupakan satu kesepakatan seluruh para ulama dan tiada sesiapa pun yang menyanggahinya.⁶² Antara bentuk kenyataan jelas daripada Rasulullah SAW bahawa sesuatu hadith itu *Mansūkh* ialah Baginda menyatakan: “Hadith ini mansuhkan hadith ini” atau apa-apa ucapan yang menggambarkan makna ini.⁶³

ii) Kenyataan secara jelas daripada sahabat.

Hal ini bermaksud para sahabat menyatakan secara jelas terhadap hadith yang mengalami *al-Naskh* dan menunjukkan bukti hadith yang menjadi *al-Nāsikh*. Seumpama para sahabat berkata: “Hadith ini telah memansuhkan hadith ini”,⁶⁴ “Baginda memberikan

⁶¹ Ibn Hajar, *Nuzhah al-Nazar*, 78. Al-Dusāri, *Qawā'id Raf' al-Ikhtilāf*, 322.

⁶² Al-Khātīb al-Baghdādī, *Al-Fāqih wa al-Mutafaqih*, 133. Ibn Ṣalāh, *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāh*, 322. Al-Nawāwī, *Irshād Ṭullab al-Haqā'iq*, 185. Abū Muḥammad 'Alī bin Aḥmad bin Sa'īd bin Ḥazm Ibn Ḥazm, *Al-Ihkām fī Uṣūl al-Ahkām*, ed. Ahmad Muḥammad Shākīr (Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadīdah, t.t.) 4:84. Abū Ishāq Ibrāhīm bin 'Alī al-Shirāzī, *al-Lumā' fī Uṣūl al-Fiqh* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2014), 61. Al-Laknāwī, *Al-Ajwibah al-Faḍīlah*, 190. Al-Dusāri, *Qawā'id Raf' al-Ikhtilāf*, 322. 'Abd al-Mājid Muḥammad Ismā'īl al-Susiwah, *Manhaj al-Tawfiq wa al-Tarjih Bayna Mukhtalif al-Ḥadīth wa Athāruhu fī al-Fiqh al-Islāmī* (Beirut: Dār al-Dhakha'ir, 1997), 301. Nafidh Hammad, *Mukhtalif al-Ḥadīth*, 266-267.

⁶³ Al-Laknāwī, *Al-Ajwibah al-Faḍīlah*, 190. Murtaḍā 'Alī bin Muḥammad al-Daghistani, *Al-Madkhal ilā Uṣūl al-Imām al-Shāfi' min Khilal Tuḥfah al-Muḥtāj bi Sharḥ al-Manhaj* (Damsyik: al-Mashriq li al-Kitāb, 2008), 2:312. Wahbah al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Damsyik: Dār al-Fikr, 2009), 286.

⁶⁴ Sebahagian ulama berpandangan bahawa ucapan “Hadith ini *Nāsikh*” tidak dianggap *al-Naskh* disebabkan ia merupakan ijtihad. Namun ahli hadith menetapkan ia merupakan *al-Naskh*. Zaynuddin berkata: “Pandangan yang dikemukakan oleh ahli hadith adalah lebih jelas dan lebih masyhur kerana *al-Naskh* tidak berlaku secara ijtihad”. Lihat Muḥammad bin Ismā'īl al-

rukhsah pada hadith ini, kemudian melarangnya” atau ucapan yang seumpamanya.⁶⁵ Kaedah ini diterima oleh para ulama disebabkan tiada ruang ijtihad dalam menentukan perkara ini.⁶⁶ Oleh yang demikian, *al-Naskh* berdasarkan kaedah ini adalah dibenarkan dan diterima,⁶⁷ bahkan menurut al-Laknawi ia merupakan pandangan yang paling benar dan tepat.⁶⁸

iii) Kenyataan *al-ijma'*

Hal ini bermaksud para ulama *ijma'* berlakunya *al-Naskh* terhadap salah satu hadith dengan hadith yang lain. Bahkan lebih utama lagi sekiranya para Sahabat yang mengeluarkan kenyataan *ijma'* seperti menyatakan: “Hadith ini *Nāsikh*” dan “Hadith ini *al-Mansukh*” tanpa seorang Sahabat pun yang membantahnya.⁶⁹

Hal ini berbeza dengan *al-Naskh Ghayr al-Ṣarīḥ* kerana ia diputuskan berdasarkan kemungkinan-kemungkinan yang tidak pasti (*iḥtimaliyyah*) dan tidak ditetapkan melalui nas.⁷⁰ Dalam keadaan ini, para *muḥaddithīn* perlu menyelidiki masa munculnya kedua-dua hadith tersebut. Sekiranya ditemui dan salah satunya lebih terdahulu daripada yang lainnya, maka mereka berpegang dengan hadith yang terkemudian sebagai *Nāsikh* dan meninggalkan hadith yang terdahulu sebagai *Mansūkh*.⁷¹

Ṣan‘ānī, *Tawdīḥ al-Afkār li Ma‘ānī Tanqīh al-Anzar*, ed. Muḥammad Mahy al-Dīn ‘Abd al-Hāmid (Madinah: al-Maktabah al-Salāfiyyah, 1947), 2: 238.

⁶⁵ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥman bin Abī Bakr al-Suyūfī, *Al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur‘ān*, ed. Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm (Kaherah: al-Hay‘ah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah, 1974), 3: 81. Al-Susiwah, *Manhaj al-Tawfīq wa al-Tarjīḥ*, 301. Al-Dusārī, *Qawā‘id Raf‘ al-Ikhtilāf*, 327.

⁶⁶ Al-‘Irāqī, *Sharḥ al-Tabṣirah wa al-Tadḥkīrah*, 2: 99. Al-Ṣan‘ānī, *Tawdīḥ al-Afkār*, 2: 238. Al-Laknāwī, *Al-Ajwibah al-Faḍīlah*, 192. Nafidh Hammad, *Manhaj al-Imām al-Shāfi‘ī fī Nāsikh al-Ḥadīth wa Mansūkhīhi*, 208. Wahbah al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, 2:287.

⁶⁷ Ibn Ḥazm, *Al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, 4:84. Al-Laknāwī, *Al-Ajwibah al-Faḍīlah*, 190. Al-Susiwah, *Manhaj al-Tawfīq wa al-Tarjīḥ*, 302. Al-Shirāzī, *Al-Lumā‘ fī Uṣūl al-Fiqh*, 61.

⁶⁸ Al-Laknāwī, *Al-Ajwibah al-Faḍīlah*, 192.

⁶⁹ Al-Susiwah, *Manhaj al-Tawfīq wa al-Tarjīḥ*, 304.

⁷⁰ Al-Susiwah, *Manhaj al-Tawfīq wa al-Tarjīḥ*, 122.

⁷¹ ‘Abd al-Raḥman bin ‘Abd Allāh al-Sha‘alan, *Uṣūl Fiqh al-Imām Mālik - Adillatuh al-Naqliyyah* (Arab Saudi: Jāmi‘ah al-Imām Muḥammad bin Sa‘ūd al-Islāmiyyah, 2002), 2:750. Abū Bakr Muḥammad bin Mūsā bin ‘Uthmān al-Hāzimī, *Al-I‘tibār fī al-Nāsikh wa al-Mansūkh min al-Athār*, (Hyderabad: Dai‘rah al-Ma‘ārif al-‘Uthmāniyyah, 1938), 8. Ibn Ṣalāḥ, *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ*, 257. Al-Nawāwī, *Irshād Ṭullab al-Ḥaqā‘iq*, 190.

Pelbagai kaedah yang digunakan bagi mengenalpasti masa hadith terakhir antara hadith-hadith yang bercanggah. Penetapan berdasarkan tarikh sahaja yang disepakati oleh *muḥaddithīn*, manakala penetapan selainnya merupakan kaedah yang diperselisihkan *muḥaddithīn* dan para pengkaji hadith.⁷² Terdapat empat kaedah yang diaplikasikan untuk mengetahui penetapan masa hadith terakhir daripada dua hadith sebagaimana berikut:

a. Kenyataan jelas tentang tarikh kedua-dua hadith. Kaedah ini dapat menentukan sesebuah hadith berlaku pada waktu yang terakhir berdasarkan tarikh kedua-dua hadith. Kaedah ini berdasarkan prinsip yang dikemukakan oleh al-Shāfi‘ī sebagaimana berikut:

“Tidak dapat menentukan *al-Nāsikh wa al-Mansukh* melainkan dengan khabar daripada Rasulullah SAW, atau ucapan atau waktu yang menunjukkan salah satunya yang terakhir, lalu diketahui bahawa yang akhir itu adalah *al-Nāsikh*.”⁷³

Berdasarkan kenyataan tersebut, para *muḥaddithīn* perlu meneliti waktu berlaku kedua-dua hadith tersebut. Sekiranya

Al-‘Irāqī, *Al-Tabṣirah wa al-Tadzkīrah*, 2:110. Ibn al-Mulaqqīn, *Al-Mughnī*, 2:482. Ibn Ḥajar, *Nuzḥah al-Nazar*, 77. Al-Sakhāwī, *Fath al-Mughīth*, 4:70. Muḥammad Abū al-Layth, *‘Ulūm al-Ḥadīth*, 309.

⁷² Aḥmad bin Muḥammad al-Azdī al-Ṭahāwī, *Sharḥ Mushkil al-Athār*, ed. Syu‘ayb al-Arnauth (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1994), 2: 294, 2: 406, 14: 316, 12: 387-389. Hasan bin ‘Abd al-Ḥāmid bin ‘Abd al-Ḥākīm Bukhārī, “Manhaj al-Imām al-Ṭahāwī fī Daf‘ al-Ta‘arruḍ Bayna al-Nuṣūṣ al-Shar‘iyyah min Khilal Kitābihi Sharḥ Mushkil al-Athār” (disertasi, Jāmi‘ah Umm al-Qura, Mekah, 2001), 245-262. Munīrah bint ‘Abd Allāh bin Ṣāliḥ al-‘Iskir, “Mukhtalif al-Ḥadīth Inda al-Qādī Ibn al-‘Arabī fī Kitābihi al-Masālik fī Sharḥ Muwaṭṭā’ Mālik: Jam‘ wa Dirāsah”, 563-636. ‘Abd Allāh Murtajī, *Manhaj al-Imām al-Bukhārī fī Mukhtalif al-Ḥadīth*, 204-206. Jawwad Muḥammad Aḥmad Darwish, *Manhaj Ibn Ḥajar fī Mukhtalif al-Ḥadīth*, 135-139. Samīrah Ibrāhīm Hamdan Ikhziq, “Manhaj al-‘Aynī fī Mukhtalif al-Ḥadīth: Dirāsah Taṭbiqīyyah ‘alā Kitābihi ‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī” (disertasi, al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah Gaza, Palestin, 2013), 111. Ibn Ṣalāḥ, *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ*, 256-257. Al-Khāṭib al-Baghdādī, *Al-Fāqih wa al-Mutafaqih*, 126-134. Al-Dusārī, *Qawā‘id Raf‘ al-Ikhtilāf*, 317-352. Al-Susiwah, *Manhaj al-Tawfiq wa al-Tarjih*, 300-306. Nafidh Hammad, *Mukhtalif al-Ḥadīth*, 266-279. Usāmah bin ‘Abd Allāh Khayyāt, *Mukhtalif al-Ḥadīth*, 183-201. Abū al-Layth, *‘Ulūm al-Ḥadīth*, 293-294.

⁷³ Al-Shāfi‘ī, *Ikhtilāf al-Ḥadīth*, 40-41.

ditemui pada kedua-duanya atau salah satunya petunjuk yang menunjukkan salah satunya lebih terdahulu berbanding yang lain, maka hadith yang terdahulu dianggap sebagai *Mansukh* dan hadith yang terakhir sebagai *Nāsikh*.⁷⁴ Seumpama sebuah hadith berlaku pada peperangan uhud dan hadith yang lain pada *Fath al-Makkah*, maka yang terakhir adalah pada *Fath al-Makkah* yang menjadi *Nāsikh* berbanding hadith yang terdahulu yang berlaku pada peperangan uhud.⁷⁵

Walaupun demikian, pengetahuan tarikh sesuatu hadith berlaku tidak semestinya menatijahkan sesuatu hadith terdahulu merupakan *al-Mansūkh* dan hadith yang akhir merupakan *al-Nāsikh*. Hal ini demikian kerana semata-mata tarikh tidak mampu mengesahkan secara yakin, sebaliknya ia memerlukan bukti-bukti sokongan yang lain yang mampu mengukuhkan keyakinan bahawa benar-benar berlakunya *al-Naskh*.⁷⁶

b. Kenyataan jelas para *sahabat* tentang hadith terakhir antara kedua-dua hadith.

Penentuan sesebuah hadith berlaku pada waktu yang terakhir dapat dikesan berdasarkan kenyataan seseorang *sahabat*. Hal ini bermaksud terdapat riwayat daripada sahabat yang menyatakan bahawa salah satu hadith yang bercanggah lebih terdahulu berbanding hadith yang lain sehingga dapat difahami bahawa hadith yang terakhir telah memansuhkan hadith yang terdahulu.⁷⁷ Antara kenyataan mereka ialah “hadith ini merupakan yang terakhir bagi dua perkara ini”.⁷⁸

Walaupun demikian, ungkapan seseorang *sahabat* “hadith ini merupakan yang terakhir bagi dua perkara ini” tidak sewajibnya menunjukkan bahawa hadith yang terdahulu adalah *mansukh*.

⁷⁴ Al-Susiwah, *Manhaj al-Tawfiq wa al-Tarjih*, 303. Jawwad Darwish, *Manhaj Ibn Hajar fi Mukhtalif al-Hadith*, 137.

⁷⁵ Al-Dusāri, *Qawā'id Raf' al-Ikhtilāf*, 330.

⁷⁶ Bahkan menurut al-Laknāwī, ini merupakan pandangan muktamad. Lihat Al-Laknāwī, *Al-Ajwibah al-Faḍīlah*, 192. Al-Ḥāzīmī, *Al-I'tibār fi al-Nāsikh wa al-Mansūkh*, 7. Ibrāhīm bin Mūsā bin Muḥammad al-Ghīrnatī, *Al-Muwāfaqāt*, ed. Mashhur bin Ḥasan 'Alī Salmān (Madinah: Dār Ibn 'Affān, 1997), 3:339-340.

⁷⁷ Al-Dusāri, *Qawā'id Raf' al-Ikhtilāf*, 338.

⁷⁸ Al-Suyūfī, *Al-Iqān fi 'Ulūm al-Qur'ān*, 3: 81. Al-Susiwah, *Manhaj al-Tawfiq wa al-Tarjih*, 301. Al-Dusāri, *Qawā'id Raf' al-Ikhtilāf*, 327.

Justeru, pandangan yang menyatakan bahawa perkara yang akhir bagi dua perkara daripada Rasulullah SAW ialah perkara yang diamalkan, maka ia merupakan *al-Nāsikh* yang jelas, maka ia memerlukan kepada penilaian secara lebih terperinci.⁷⁹

c. Bukti jelas salah satu hadith adalah hadith terakhir, sekalipun tidak diketahui tarikh hadith lain.

Penentuan *al-Naskh* ini berdasarkan hadith terakhir yang dapat dikenalpasti secara yakin berbanding hadith-hadith bercanggah yang lain. Menurut al-Dusārī, hal ini dapat dikenal pasti melalui perawi hadith pertama meninggal dunia sebelum Islamnya perawi yang kedua atau sebelum dia meriwayatkan hadith atau salah seseorang perawi hadith menyebutkan sesuatu daripada Nabi Muhammad SAW pada ketika Baginda sakit yang membawa kepada kematian. Oleh yang demikian, situasi-situasi tersebut merupakan satu bukti yang yakin bahawa hadith tersebut merupakan hadith yang terakhir.⁸⁰

Penentuan ini memerlukan penelitian yang mendalam daripada para *muhaddithīn* dalam memastikan secara pasti mana-mana hadith yang berlaku pada masa yang terakhir. Penentuan terhadap hadith-hadith yang bercanggah juga berhadapan dengan pelbagai kemungkinan sebagaimana yang telah pengkaji nyatakan pada penentuan kedua sebelum ini.

iv. Kelewatan *sahabat* memeluk Islam.

Penentuan salah satu hadith merupakan hadith yang terdahulu dan yang lainnya merupakan hadith yang terakhir ialah melalui tarikh kelewatan seseorang *sahabat* memeluk Islam. Oleh itu, salah seorang perawi yang memeluk Islam lebih awal meriwayatkan sebuah hadith dan seorang perawi yang memeluk agama Islam lebih lewat daripadanya juga meriwayatkan sebuah hadith yang mana kandungannya saling bercanggah. Dalam keadaan ini, hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang lebih lewat memeluk Islam

⁷⁹ Al-Laknāwī, *Al-Ajwibah al-Faḍīlah*, 193-194. ‘Abd al-Wahhāb bin Aḥmad al-Sha‘rānī, *Kashf al-Ghummah ‘an Jami‘ al-Ummah* (Mesir: al-Ṭab‘ah al-Maymanah, 1900), 1: 6-7.

⁸⁰ Al-Dusārī, *Qawā‘id Raf‘ al-Ikhtilāf*, 340.

sebagai *al-Nāsikh* dan hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang lebih awal memeluk Islam sebagai *al-Mansūkh*.⁸¹

Walau bagaimanapun, para *muḥaddithīn* berbeza pandangan dalam penentuan *al-Naskh* berdasarkan kaedah ini. Terdapat golongan yang mengiktiraf penentuan ini⁸² dan golongan yang tidak mengiktirafnya kerana terdapat beberapa andaian seumpama perawi yang terdahulu mendengar selepas perawi yang lebih lewat memeluk Islam dan kemungkinan perawi yang lebih lewat memeluk Islam telah mendengar daripada *sahabat* yang lain yang lebih awal daripada perawi yang awal memeluk Islam tersebut atau perawi yang lebih lewat itu meriwayatkan secara *Mursal*.⁸³

Berdasarkan kedua-dua pandangan di atas, pengkaji merumuskan bahawa aplikasi ini tidak boleh diterima secara mutlak, sebaliknya memerlukan bukti-bukti sokongan bagi menghilangkan kemungkinan yang menafikan *al-Naskh*. Manakala pandangan kedua pula tidak menolak secara total kaedah ini menjadi salah satu bukti *al-Naskh*, namun bukti ini memerlukan kepada bukti sokongan lain tatkala mengesahkan sesuatu hadith dimansuhkan. Oleh kerana itu, al-Sakhāwī menimbulkan beberapa andaian yang perlu dikemukakan secara yakin bagi mengesahkan berlakunya *al-Naskh* terhadap sesuatu hadith. Demikian juga dengan pandangan Ibn Hajar yang menegaskan bahawa bukti ini tidak semestinya menunjukkan berlakunya *al-Naskh*, bahkan memerlukan bukti sokongan yang lain. Oleh yang demikian, penentuan ini tidak boleh ditolak secara total disebabkan *muḥaddithīn* daripada kalangan *mutaqaddimīn* turut mengaplikasikan aplikasi ini pada sebahagian permasalahan yang diperselisihkan.⁸⁴

⁸¹ Al-Susiwah, *Manhaj al-Tawfiq wa al-Tarjih Bayna Mukhtalif al-Hadith wa Atharuhu fi al-Fiqh al-Islami*, 307.

⁸² Al-Taḥāwī mengaplikasikan dalam karya beliau tatkala membincangkan permasalahan sapu di atas dua khuf dan al-Nawāwī dalam wudhuk disebabkan menyentuh zakar. Lihat, al-Taḥāwī, *Sharḥ Mushkil al-Athar*, 6: 289-299. Al-Nawāwī, *Majmū' Sharḥ al-Muḥadhdhab* (Kaherah: Dār al-Fikr, t.t.), 2:43.

⁸³ Al-Shawkānī, *Irshād al-Fuḥūl*, 2:85. Al-Susiwah, *Manhaj al-Tawfiq wa al-Tarjih*, 307.

⁸⁴ Antaranya ialah al-Bukhārī dan Muslim dalam permasalahan solat dengan menyapu ke atas dua khuf. Al-Bukhārī menyatakan: "Ibrāhīm al-Taymi berkata: Sesungguhnya beliau kagum dengan mereka kerana Jarīr merupakan antara yang terakhir yang memeluk Islam". Demikian juga

[Kedua] Tertib al-Jam', al-Naskh al-Ṣarīḥ dan al-Naskh Ghayr al-Ṣarīḥ dalam Penyelesaian Mukhtalif al-Ḥadīth.

Penyelesaian *Mukhtalif al-Ḥadīth* berdasarkan manhaj *al-Jam'* merupakan manhaj yang paling diberi perhatian oleh para *muhaddithīn*.⁸⁵ Al-Hādī Rushu berkata:

“Sesiapa yang memerhatikan manhaj-manhaj para *muhaddithīn*, pasti akan terserlah kepada kita bahawa para *muhaddithīn* sangat bersungguh-sungguh mengaplikasikan *al-Jam'* antara *Mukhtalif al-Ḥadīth*. Mereka lebih banyak mengaplikasikannya berbanding kaedah *al-Tarjīḥ* dan *al-Naskh*”.⁸⁶

Bahkan Ibn 'Abd al-Barr menegaskan bahawa inilah tanggungjawab *muhaddithīn* untuk mengamalkan kedua-dua hadith sedaya upaya.⁸⁷ Lebih daripada itu, Ibn Khuzaymah menyatakan bahawa praktikal ini bukan sahaja tertumpu kepada *muhaddithīn* sahaja, bahkan merangkumi dalam semua bidang ilmu.⁸⁸

Muslim berkata: “Al-A'mash berkata: Ibrahim berkata: Sesungguhnya hadith ini sungguh mengkagumkan kerana Jarir memeluk Islam selepas penurunan Surah al-Mā'idah”. Lihat hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Ṣalah, Bāb al-Ṣalāh fī al-Khifaf, no. Hadith: 374. 2: 141. Muslim, Kitāb al-Ṭaharah, Bab al-Mash 'alā al-Khuffayn, no. Hadith: 401, 2: 97.

⁸⁵ Hal ini dapat ditemui berdasarkan pandangan dan praktikal para *muhaddithīn* di dalam karya-karya beliau antaranya ialah Mālik, al-Shāfi'ī, Yahyā bin Sa'īd al-Qattān, Ibn Khuzaymah, Ibn Daqīq al-'Id, Ibn Hajar, Ibn 'Abd al-Barr dan lain-lain. Lihat al-Sha'alan, *Uṣūl Fiqh al-Imām Mālik - Adillatuh al-Naqliyyah*, 743-761. Al-Shāfi'ī, *Ikhtilaf al-Ḥadīth*, 40. Ṣāliḥ bin Aḥmad bin Ḥanbal, *Masā'il al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal - Riwayat Ibnihī Abī al-Faḍl Ṣāliḥ*, ed. Ṭarīq bin 'Iwad Allāh bin Muḥammad (Riyadh: Dār al-Waṭan, 1999), 76 dan 196-197. Muḥammad bin Ishāq al-Naysabūrī Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, ed. Muḥammad Muṣṭafā al-A'zamī, (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1970), 2:250. Ibn Daqīq al-'Id, Muḥammad bin 'Alī bin Wahab, *Iḥkām al-Aḥkam Sharḥ 'Umdah al-Aḥkām*, ed. Muṣṭafā Shaykh Muṣṭafā (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2005), 1:83. Ibn Hajar, *Fath al-Bārī*, 2:451. Ibn 'Abd al-Barr; Abū 'Amrū Yūsuf bin 'Abd Allāh, *Al-Tamhīd limā fī al-Muwaṭṭā' min al-Ma'ānī wa al-Asānīd*, ed. Muṣṭafā bin Aḥmad al-'Alawī dan Muḥammad 'Abd al-Kabīr al-Bakrī (Maghribi: Wizārah 'Umūm al-Awqāf wa al-Shu'un al-Islāmiyyah, 1966), 4:165.

⁸⁶ Al-Hādī Rushu, *Mukhtalif al-Ḥadīth wa Juhūd al-Muhaddithīn fīh*, 128

⁸⁷ Ibn 'Abd al-Barr, *Al-Tamhīd limā fī al-Muwaṭṭā'*, 4:165.

⁸⁸ Beliau berkata:

Keutamaan manhaj ini berbanding manhaj yang lain dikuatkan di atas dasar praktikal ditunjukkan oleh Rasulullah SAW seumpama hadith pemakaian kain sutera sebagaimana berikut:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ، رَأَى عُمَرَ حُلَّةً سَيْرَاءَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، لَوْ اشْتَرَيْتَ هَذِهِ، فَلَبَسْتَهَا يَوْمَ الْجُمُعَةِ، وَلِلْوُفُودِ إِذَا أَتَوْتَكَ، فَقَالَ: يَا عُمَرُ، إِنَّمَا يَلْبَسُ هَذِهِ مَنْ لَا خَلْقَ لَهُ، ثُمَّ أَهْدَيْتَنِي لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْهَا حُلَّةً، فَأَهْدَى إِلَيَّ عُمَرَ مِنْهَا حُلَّةً، فَجَاءَ عُمَرَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، بَعَثْتَ إِلَيَّ هَذِهِ، وَقَدْ سَمِعْتُكَ قُلْتَ فِيهَا مَا قُلْتَ، قَالَ: إِنِّي لَمْ أُهْدِهَا لَكَ لِتَلْبَسَهَا، إِنَّمَا أُهْدَيْتَهَا إِلَيْكَ لِتَبِيعَهَا أَوْ لِتَكْسُوهَا، فَأَهْدَاهَا عُمَرَ لِأَخٍ لَهُ مِنْ أُمَّهِ مُشْرِكٍ.⁸⁹

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Ibn ‘Umar. ‘Umar melihat satu pakaian sutera, lantas berkata: “Wahai Rasulullah, sekiranya kamu membeli pakaian ini, lalu kamu memakainya pada hari Jumaat dan menyambut delegasi luar yang datang kepada kamu”. Maka Rasulullah SAW bersabda: “Wahai Umar, seseorang yang memakai pakaian sutera merupakan golongan yang tidak mendapatkan bahagian (pada hari kiamat)”. Kemudian Nabi Muhammad SAW dihadihkan beberapa helai pakaian sutera. Lalu Baginda menghadihkan sehelai pakaian tersebut kepada ‘Umar. Lantas ‘Umar pergi kepada Rasulullah SAW, lalu berkata: “Wahai Rasulullah, kenapa kamu berikan pakaian ini kepada saya, sedangkan saya telah mendengar kata-kata kamu tentang pakaian ini sebagaimana yang telah kamu nyatakan tadi?”. Rasulullah SAW menjawab: “Sesungguhnya saya tidak menghadihkan pakaian itu untuk kamu agar kamu memakainya, sebaliknya saya menghadihkannya untuk kamu agar kamu

“Inilah mazhab kami dalam semua bidang ilmu: iaitu setiap dua hadith harus disatukan maknanya. Tidak harus diucapkan bahawa kedua-duanya bercanggah lagi berlawanan”.

Lihat, Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 2:250.

⁸⁹ Hadith riwayat al-Bukhārī, *Kitāb al-Jumu‘ah*, Bab *Yalbas Aḥsān ma Yajīd*, no. Hadith: 837, 3:403. Muslim, *Kitāb al-Libās wa al-Zīnah*, Bab *Taḥrīm Isti‘mal Ina’ al-Dhāb wa al-Fiḍḍah...*, no. Hadith: 3851. 10:407.

menjualkannya atau kamu memberikan pakaian tersebut”. Maka ‘Umar pun menghadihkan pakaian itu kepada saudaranya daripada ibunya yang musyrik”.

Menurut al-Khātib al-Baghdādī, hadith ini menjadi sandaran yang kuat dimana Rasulullah SAW sendiri secara praktikal mengajar para *sahabat* agar mengambil dan mengamalkan kesemua hadith.⁹⁰ Oleh yang demikian, keutamaan terhadap manhaj ini sememangnya menjadi tanggungjawab para *muhaddithīn* agar semua hadith mampu diamalkan secara keseluruhannya apabila mampu melakukannya.

Sekalipun manhaj *al-Jam’* secara dasarnya didahulukan berbanding manhaj *al-Naskh*, namun kekuatan daripada sudut pendalilan pada manhaj *al-Naskh al-Ṣarīh* adalah lebih kuat. Hal ini menjadi faktor manhaj *al-Naskh al-Ṣarīh* mesti didahulukan berbanding *al-Jam’*. Menurut al-Dusārī, antara sebab manhaj ini mesti didahulukan disebabkan manhaj ini tidak memerlukan ijtihad dan tidak memerlukan penelitian secara mendalam sebagaimana manhaj-manhaj yang lain. Sebaliknya kewajipan seseorang pengkaji hanya perlu memastikan kesahihan riwayat *al-Naskh* dalam menetapkan *al-Naskh* yang berlaku pada sesuatu hadith.⁹¹ Dalam keadaan ini, manhaj *al-Naskh al-Ṣarīh* merupakan pengamalan yang sahih terhadap nas⁹² dan pengamalan terhadap sesuatu yang pasti.⁹³ Oleh yang demikian, tiada lagi keperluan untuk mengaplikasikan manhaj *al-Jam’* dan *al-Tarjih*⁹⁴ terhadap hadith-hadith yang bercanggah kerana ia akan menatijahkan penyatuan antara dalil dan bukan dalil,⁹⁵ sedangkan tiada lagi ruang ijtihad apabila terdapat nas yang jelas dalam sesuatu permasalahan.⁹⁶ Oleh itu, menjadi satu kesalahan yang nyata sekiranya seseorang pengkaji tetap mahu mengaplikasikan manhaj *al-Jam’* sedangkan di sana terdapat bukti jelas bahawa salah satu

⁹⁰ Al-Khātib al-Baghdādī, *Al-Fāqih wa al-Mutafaqqih*, 217.

⁹¹ Al-Dusārī, *Qawā‘id Raf’ al-Ikhtilāf*, 322.

⁹² Mājid bin ‘Alī al-Ghāmīdī, *Mukhtalif al-Ḥadīth ‘Inda al-Qādī ‘Iyād*, 65.

⁹³ Jawwad Muḥammad, *Manhaj Ibn Hajar fī Mukhtalif al-Ḥadīth*, 62.

⁹⁴ ‘Abd Allāh al-Ḥammādī, *Mukhtalif al-Ḥadīth ‘Ind al-Imām Ibn ‘Abd al-Barr*, 149.

⁹⁵ ‘Abd Allāh Murtaǧī, *Manhaj al-Imām al-Bukhārī wa al-Tirmidhī fī Mukhtalif al-Ḥadīth*, 71.

⁹⁶ ‘Abd al-Karīm Zaydan, *Al-Wajīz fī Sharḥ al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah* (Beirut: Muassasah al-Risālah Nashirun, 2014), 37.

hadith tersebut telah dimansuhkan dan digugurkan pengamalannya.

Walaupun manhaj *al-Naskh* perlu didahulukan berbanding manhaj *al-Jam'*, namun ia hanya dikhususkan kepada *al-Naskh al-Ṣarīḥ* sahaja, bukannya secara mutlak. Oleh itu, terdapat pemisahan antara *al-Naskh al-Ṣarīḥ* dan *al-Naskh Ghayr al-Ṣarīḥ* tatkala mengaplikasikan manhaj *Mukhtalif al-Ḥadīth*. Hal inilah yang menjadi punca perbezaan antara *muḥaddithīn* dan *al-ahnaf*. Dimana *muḥaddithīn* hanya mendahulukan manhaj *al-Naskh al-Ṣarīḥ* berbanding *al-Jam'*,⁹⁷ sebaliknya *al-ahnaf* mendahulukan *al-Naskh* secara mutlak berbanding manhaj *al-Jam'* dan *al-Tarjīh*⁹⁸ Bantahan terhadap golongan *al-ahnaf* jelas dikemukakan oleh para *muḥaddithīn* daripada kalangan *al-ahnaf* yang tidak sependapat dengan mazhab mereka berhubung mendahulukan *al-Naskh* berbanding *al-Jam'* secara mutlak.⁹⁹

Adapun pandangan *muḥaddithīn* yang mendahulukan *al-Jam'* berbanding *al-Naskh* dan *al-Tarjīh* sebagaimana dalam karya-karya *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth* ialah mendahulukan *al-Jam'* berbanding *al-Naskh Ghayr al-Ṣarīḥ* yang ditentukan berdasarkan tarikh.¹⁰⁰ Sebaliknya, apabila didapati secara jelas sesuatu hadith terangkatnya hukum secara *al-Naskh* secara pasti iaitu *al-Naskh al-Ṣarīḥ*, maka ia mesti didahulukan berbanding *al-Jam'* dan *al-Tarjih*. Pandangan ini merupakan kesepakatan *muḥaddithīn* dan tiada ulama pun yang mengingkarinya.¹⁰¹ Bahkan inilah

⁹⁷ Sharaf al-Qudāh, *Ilm Mukhtalif al-Ḥadīth*, 16.

⁹⁸ Ibin Nizām al-Dīn; 'Abd al-'Alī Muḥammad bin Nizām al-Dīn al-Sahalāwī, *Fawātiḥ al-Rahamut bi Sharḥ Musallam al-Thubut* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002), 2:189. Abū 'Abd Allāh Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad Amīr Hāj, *Al-Taqrīr wa al-Tahbir* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983), 3:3-4. Muḥammad bin Aḥmad Al-Sarakhsī, *Uṣūl al-Sarakhsī* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t), 2:13.

⁹⁹ Antaranya ialah al-Ṭahāwī dan al-Laknāwī. Lihat al-Ṭahāwī, *Sharḥ Ma'ānī al-Athār*, 3:83. Al-Laknāwī, *Al-Ajwibah al-Faḍīlah*, 183.

¹⁰⁰ Al-Dusārī, *Qawā'id Raf' al-Ikhtilāf*, 178.

¹⁰¹ Al-Laknāwī, *Al-Ajwibah al-Faḍīlah*, 183-184. Al-Dusārī, *Qawā'id Raf' al-Ikhtilāf*, 178. Hakimah Hafīzi, *Mukhtalif al-Ḥadīth*, 65. 'Abd Allāh al-Ḥammādī, *Mukhtalif al-Ḥadīth 'Ind al-Imām Ibn 'Abd al-Barr*, 149. Jawwad Muḥammad, *Manhaj Ibn Hajar fi Mukhtalif al-Ḥadīth*, 62.

pandangan yang telah dikemukakan oleh *muḥaddithīn* daripada pelbagai generasi.¹⁰²

Penutup

Berdasarkan analisis yang dikemukakan di atas, pengkaji menyimpulkan bahawa tertib manhaj penyelesaian *Mukhtalif al-Ḥadīth* yang dikemukakan oleh Sharaf al-Quḍāh tidak bercanggah dengan pandangan dan aplikasi para *muḥaddithīn*, sekalipun karya-karya *Muṣṭalah al-Ḥadīth* tidak menyusun tertib sebagaimana yang disusun oleh Sharaf al-Quḍāh. Namun pada hakikatnya susunan tertib tersebut dipersetujui oleh seluruh para *muḥaddithīn* dan tiadapun *muḥaddithīn* yang membantahnya.

Oleh yang demikian, pembahagian *al-Naskh* kepada *al-Naskh al-Ṣarīḥ* dan *al-Naskh Ghayr al-Ṣarīḥ* merupakan pembahagian yang tepat disebabkan faktor penentuan *al-Naskh* adalah berbeza daripada segi kekuatannya. Faktor kekuatan dalam penentuan *al-Naskh* ini penting agar penentuan tertib manhaj dapat disusun berdasarkan kekuatan sesuatu manhaj.

Dalam hal ini, manhaj *al-Naskh al-Ṣarīḥ* memiliki kekuatan yang lebih kuat berbanding manhaj yang lain disebabkan manhaj ini berpegang kepada nas yang jelas dalam penentuan *al-Naskh*, tidak melibatkan ijtihad dan tidak memerlukan penelitian secara mendalam. Oleh itu, manhaj *al-Naskh al-Ṣarīḥ* didahulukan berbanding manhaj-manhaj yang lain.

¹⁰² Al-Sha‘alan, *Uṣūl Fiqh al-Imām Mālik*, 743-761. Al-Shāfi‘ī, *Ikhtilāf al-Ḥadīth*, 40. Al-Shāfi‘ī, *Al-Umm*, 6:419. Al-Ṭahāwī, *Sharḥ Ma‘ānī al-Athār*, ed. Muḥammad Zuhrī al-Najjār dan Muḥammad Sayyid Jād al-Ḥaq, (Madinah: ‘Alam al-Kutub, 1994), 3:83. Abū Sulaymān Ḥamd bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Khaṭṭābī, *Ma‘ālim al-Sunan* (Halab: al-Maṭba‘ah al-‘Ilmiyyah, 1932), 5:37. Al-Bayḥāqī, *Al-Khilāfiyyāt Bayna al-Imāmayn al-Shāfi‘ī wa Abū Ḥanīfah wa Ashābīh*, ed. Mashhūr bin Ḥasan ‘Alī Salmān, (Riyadh: Dār al-Samī‘ī, 1994), 1:329. Ibn ‘Abd al-Barr, *Al-Tamhīd*, 15:307. Al-Nawāwī, *Al-Minhaj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, 1:35. Al-Khāṭib al-Baghdādī, *Al-Fāqih wa al-Mutafaqqih*, 217. Abū Bakr Muḥammad bin Ibrāhīm Ibn al-Mundhūr, *Al-Awsaṭ fī al-Sunan wa al-Ijmā‘ wa al-Ikhtilāf*, ed. Abū Ḥammād Saghūr Aḥmad (Riyadh: Dār Ṭayyibah, 1985), 2:268. Al-Jazā‘irī, *Tawjih al-Nazar*, 1:541. Al-Ḥāzimī, *Al-I‘tibār*, 11. Al-Laknāwī, *Al-Ajwibah al-Faḍīlah*, 183. Al-‘Irāqī, *Sharḥ al-Tabṣīrah wa al-Tadhkirah*, 2:109. Al-Sakhāwī, *Fath al-Mughīth*, 4:67-70. Ibn Ḥajar, *Nuzḥah al-Nazar*, 79. Muḥammad Abū al-Layth, *‘Ulūm al-Ḥadīth*, 309.

Hal ini berbeza dengan manhaj *al-Jam'* dan *al-Naskh Ghayr al-Ṣarīh*. Dimana kedua-duanya melibatkan ijtihad dan memerlukan penelitian secara mendalam. Namun, manhaj *al-Jam'* didahulukan berbanding manhaj *al-Naskh Ghayr al-Ṣarīh* disebabkan petunjuk daripada Rasulullah SAW agar manhaj *al-Jam'* didahulukan dan tanggungjawab para ulama termasuklah para *muḥaddithīn* untuk mengamalkan kedua-dua hadith sedaya upaya. Keutamaan yang dimiliki oleh manhaj *al-Jam'* ini tidak dimiliki oleh manhaj *al-Naskh Ghayr al-Ṣarīh* menyebabkan manhaj *al-Jam'* lebih diutamakan. Akhirnya, tertib manhaj penyelesaian *Mukhtalif al-Ḥadīth* menurut *muḥaddithīn* ialah *al-Naskh al-Ṣarīh*, kemudian *al-Jam'* dan kemudian *al-Naskh Ghayr al-Ṣarīh*.

Bibliografi

- ‘Abd al-Karim Zaydan (2013), *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, (Beirut: Muassasah al-Risalah Nashirun.
- ‘Abd al-Karim Zaydan (2014), *Al-Wajiz fi Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah Nashirun.
- ‘Abdullah Murtaji, ‘Abdullah Mustafa Sa‘id (2000), *Manhaj al-Imam al-Bukhari fi Mukhtalif al-Hadith fi Sahihihi wa al-Muwazanah Baynahu wa Bayna Manhaj al-Imam al-Tirmidhi fi Mukhtalif al-Hadith fi Jami'ih*, tesis kedoktoran, Jami'ah al-Qur'an al-Karim wa al-'Ulum li al-Islamiyyah, Sudan.
- Al-'Iraqi, Abu al-Fadl 'Abd al-Rahim bin Husayn (1969), *Al-Taqyid wa al-Idah Sharh Muqaddimah Ibn al-Salah*, ed. 'Abd al-Rahman Muhammad 'Uthman, (Madinah: al-Maktabah al-Salafiyah.
- Al-Bayhaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn (1994), *Al-Khilafiyat Bayna al-Imamayn al-Shafi'i wa Abu Hanifah wa Ashabih*, ed. Mashhur bin Hasan Ali Salman, Riyad: Dar al-Sami'i.
- Al-Daghistani, Murtada 'Ali bin Muhammad (2008), *Al-Madkhal ila Usul al-Imam al-Shafi'i min Khilal Tuhfah al-Muhtaj bi Sharh al-Manhaj*, Dimashq: al-Mashriq li al-Kitab.
- Al-Fayruz Abadi, Muhammad bin Ya'qub (2005), *Al-Qamus al-Muhit*, ed. Muhammad Na'im al-'Arqasusi, Beirut: Muassasah al-Risalah.

- Al-Fayyumi, Ahmad bin Muhammad bin ‘Ali (t.t), *al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Sharh al-Kabir li al-Rafi‘i*, Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah.
- Al-Hadi Rushu (2009), *Mukhtalif al-Hadith wa Juhud al-Muhaddithin fih: Dirasah Naqdiyyah*, Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Hakim, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin ‘Abd Allah SWT (1977), *Ma‘rifah ‘Ulum al-Hadith*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Hammadi, ‘Abdullah bin Jabir (2012), *Mukhtalif al-Hadith ‘Ind al-Imam Ibn ‘Abd al-Barr: ‘Ard wa Dirasah*, Riyad: Dar Kunuz Ishbiliya.
- Al-Hazimi, Abu Bakr Muhammad bin Musa bin ‘Uthman (1359H), *Al-I‘tibar fi al-Nasikh wa al-Mansukh min al-Athar*, Haidrabad: Dairah al-Ma‘arif al-‘Uthmaniyyah.
- Al-Jurjani, ‘Ali bin Muhammad bin ‘Ali al-Zayn al-Sharif (1983), *Kitab al-Ta‘rifat*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Kattani, Muhammad bin Ja‘far (1986), *Al-Risalah al-Mustatrifah li Bayan Mashhur Kutub al-Sunnah al-Musannafah*, Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah.
- Al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakr Ahmad bin ‘Ali (1421H), *Al-Faqih wa al-Mutafaqqih*, ed. ‘Adil bin Yusuf al-Gharazi, Saudi: Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakr Ahmad bin ‘Ali bin Thabit (tt.), *Al-Kifayah fi ‘Ilm al-Riwayah*, ed. Abu ‘Abdullah al-Suraqi dan Ibrahim Hamdi al-Madani, (Madinah: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah.
- Al-Khattabi, Abu Sulayman Hamd bin Muhammad bin Ibrahim (1932), *Ma‘alim al-Sunan*, Halb: al-Matba‘ah al-‘Ilmiyyah.
- Al-Malyabari, Hamzah ‘Abd Allah SWT (2001), *al-Muwazanah Bayna al-Mutaqaddimin wa al-Muta‘akhhirin fi Tashih al-Ahadith wa Ta‘lilih*, Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Nawawi (tt.), *Majmu‘ Sharh al-Muhadhdhab*, Kaherah: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf (1985), *Al-Taqrib wa al-Taysir li Ma‘rifah Sunan al-Bashir wa al-Nadhir*, ed. Muhammad ‘Uthman al-Khasyat, (Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.

- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf (2002), *Irshad Tullab al-Haqaiq ila Ma'rifah Sunan Khayr al-Khala'iq*, ed. Nuruddin 'Itr, Dimashq: Dar al-Yamamah.
- Al-Razi, Muhammad bin Abi Bakr (1995), *Mukhtar al-Sihah*, Beirut: Maktabah Lubnan Nashirun.
- Al-Sakhawi, Muhammad bin 'Abd al-Rahman (2003), *Fath al-Mughith bi Sharh Alfiyah al-Hadith*, ed. 'Ali Hasan 'Ali, Mesir: Maktabah al-Sunnah.
- Al-San'ani, al-Amir Muhammad bin Isma'il (1947), *Tawdih al-Afkar li Ma'ani Tanqih al-Anzar*, ed. Muhammad Mahyuddin 'Abd al-Hamid, Madinah: al-Maktabah al-Salafiyah.
- Al-Sarakhsi, Muhammad bin Ahmad (tt.), *Usul al-Sarakhsi*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Sha'alan, 'Abdul Rahman bin 'Abdullah (2002), *Usul Fiqh al-Imam Malik - Adillatuh al-Naqliyyah*, (Saudi: Jami'ah al-Imam Muhammad bin Sa'ud al-Islamiyyah.
- Al-Sha'rani, 'Abd al-Wahhab bin Ahmad (1900), *Kashf al-Ghummah 'an Jami' al-Ummah*, (Mesir: al-Tab'ah al-Maymanah.
- Al-Shafi'i, Muhammad bin Idris (2005), *al-Risalah*, ed. Ahmad Muhammad Shakir, Kaherah: Maktabah al-Shuruq al-Dawliyyah.
- Al-Shafi'i, Muhammad bin Idris (2011), *'Ikhtilaf al-Hadith' dalam al-Umm*, ed. Dr. Rif'at Fawzi 'Abd al-Muttalib, (Beirut: Dar Ibn Hazm, ,
- Al-Shatibi, Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Ghirnati (1997), *Al-Muwafaqat*, ed. Mashhur bin Hasan Ali Salman, Madinah: Dar Ibn 'Affan.
- Al-Shawkani, Muhammad bin 'Ali bin Muhammad (1999), *Irshad al-Fuhul Ila Tahqiq al-Haq min 'Ilm al-Usul*, ed. Ahmad 'Azw 'Inayah, Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi, 1999.
- Al-Shirazi; Abu Ishaq Ibrahim bin 'Ali (2014), *al-Luma' fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Susiwah; 'Abd al-Majid Muhammad Isma'il (1997), *Manhaj al-Tawfiq wa al-Tarjih Bayna Mukhtalif al-Hadith wa Atharuhu fi al-Fiqh al-Islami*, Beirut: Dar al-Dhakhair.

- Al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman bin Abi Bakr (1979), *Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrib al-Nawawi*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Tahawi, Ahmad bin Muhammad al-Azdi (1994), *Sharh Maani al-Athar*, ed. Muhammad Zuhri al-Najjar dan Muhammad Sayyid Jad al-Haq, Madinah: ‘Alam al-Kutub.
- Al-Tahawi, Ahmad bin Muhammad al-Azdi (1994), *Sharh Mushkil al-Athar*, ed. Syu‘ayb al-Arnauth, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Tibrizi, Abu al-Hasan ‘Ali bin Abi Muhammad ‘Abdullah (2008), *Al-Kafi fi ‘Ulum al-Hadith*, ed. Abu ‘Ubaydah Mashhur bin Hasan Ali Salman, ‘Amman: al-Dar al-Athariyyah.
- Al-Zabidi, Muhammad bin Muhammad bin ‘Abdil Razzaq (tt.), *Taj al-‘Arus min Jawahir al-Qamus*, Beirut: Dar al-Hidayah.
- Al-Zamakhshari, Mahmud bin ‘Umar (tt.), *al-Kashshaf ‘an Haqiq al-Tanzil wa ‘Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta’wil*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Faisal Ahmad Shah (2015), *Kaedah Tepat Memahami Hadis*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hakimah Hafizi (2013), *Mukhtalif al-Hadith: Mudhazzikah Muqaddimah li Talabah al-Sanah al-Thalithah*, Algeria: Jami‘ah al-Amir ‘Abd al-Qadir li al-‘Ulum al-Islamiyyah.
- Hasan bin ‘Abd al-Hamid bin ‘Abd al-Hakim Bukhari (1422H), *Manhaj al-Imam al-Tahawi fi Daf‘ al-Ta‘arud Bayn al-Nusus al-Shar‘iyyah Min Khilal Kitabihi Sharh Mushkil al-Athar*, tesis sarjana, Jami‘ah Umm al-Qura, Mekah.
- Ibin Nizam al-Din, ‘Abd al-‘Ali Muhammad bin Nizam al-Din al-Sahalawi (2002), *Fawatih al-Rahamut bi Sharh Musallam al-Thubut*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn ‘Abd al-Barr, Abu ‘Amru Yusuf bin ‘Abdullah (1387H), *Al-Tamhid lima fi al-Muwatta’ min al-Ma‘ani wa al-Asanid*, ed. Mustafa bin Ahmad al-‘Alawi dan Muhammad ‘Abd al-Kabir al-Bakri, Maghribi: Wizarah ‘Umum alAwqaf wa al-Shuun al-Islamiyyah.
- Ibn al-Mulaqqin, Abu Hafs ‘Umar bin Ahmad (1413H), *Al-Muqni’ fi ‘Ulum al-Hadith*, ed. ‘Abdullah bin Yusuf al-Juday‘, Saudi: Dar Fawwaz.

- Ibn al-Mundhir, Abu Bakr Muhammad bin Ibrahim (1985), *Al-Awsat fi al-Sunan wa al-Ijma' wa al-Ikhtilaf*, ed. Abu Hammad Saghir Ahmad, Riyad: Dar Tayyibah.
- Ibn al-Qayyim, Abu 'Abdullah Muhammad bin Abi Bakr al-Jawziyah (1423H), *I'lam al-Muqi'in 'an Rabb al-'Alamin*, ed. Abu 'Ubaydah Mashhur bin Hasan Ali Salman, Saudi: Dar Ibn al-Jawzi.
- Ibn Daqiq al-'Id; Muhammad bin 'Ali bin Wahb (2005), *Ihkam al-Ahkam Sharh 'Umdah al-Ahkam*, ed. Mustafa Shaykh Mustafa, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ibn Faris, Ahmad bin Faris bin Zakariyya (1979), *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, ed. 'Abd al-Salam Muhammad Harun, Kaherah: Dar al-Fikr.
- Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali al-'Asqalani (2012), *Nuzhah al-Nazar fi Tawdih Nukhbah al-Fikr fi Mustalah Ahl al-Athar*, ed. Nur al-Din 'Itr, Karachi: Maktabah al-Bushra.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad 'Ali bin Ahmad bin Sa'id bin Hazm (tt.), *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, ed. Ahmad Muhammad Shakir, Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Ibn Jama'ah, Muhammad bin Ibrahim (1404H), *Al-Manhal al-Rawi fi Mukhtasar 'Ulum al-Hadith al-Nabawi*, ed. Dr. Mahyuddin 'Abd al-Rahman Ramadan, Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar (t.t.), *Ikhtisar 'Ulum al-Hadith*, ed. Ahmad Muhammad Shakir, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Khuzaymah, Muhammad bin Ishaq al-Naysaburi (1970), *Sahih Ibn Khuzaymah*, ed. Muhammad Mustafa al-A'zami, Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram (1414H), *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibn Salah, Abu 'Amru 'Uthman bin 'Abd al-Rahman al-Shahrazuri (2010), *Muqaddimah Ibn al-Salah*, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Jawwad Muhammad Ahmad Darwish (2001), *Manhaj Ibn Hajar fi Mukhtalif al-Hadith min Khilal Kitabih Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari: 'Ard wa Tahlil*, tesis sarjana, Ghazzah: al-Jami'ah al-Islamiyyah.

- Mahmud Sidqi al-Habbash (2001), *Al-Muwazanah Bayn Manhajay al-Imamayn al-Shafi'i wa Ibn Qutaybah min Khilal Kitabayhima Ikhtilaf al-Hadith wa Ta'wil Mukhtalif al-Hadith*, tesis sarjana, al-Jami'ah al-Islamiyyah Ghazzah, Palestin.
- Majid bin 'Ali al-Ghamidi (2015), *Mukhtalif al-Hadith 'Inda al-Qadi 'Iyad min Khilal Kitabihii Ikmal al-Mu'lim: Jam'an wa Dirasah Muqaranah*, tesis sarjana, Jami'ah Umm al-Qura, Arab Saudi.
- Munirah binti 'Abdullah bin Salih al-'Iskir (1436H), *Mukhtalif al-Hadith Inda al-Qadi Ibn al-'Arabi fi Kitabihi al-Masalik fi Sharh Muwatta' Malik: Jam' wa Dirasah*, tesis kedoktoran, Jami'ah al-Malik Sa'ud, Sa'udi.
- Munirah binti 'Abdullah bin Salih al-'Iskir (1436H), *Mukhtalif al-Hadith Inda al-Qadi Ibn al-'Arabi fi Kitabihi al-Masalik fi Sharh Muwatta' Malik: Jam' wa Dirasah*, tesis kedoktoran, Jami'ah al-Malik Sa'ud, Sa'udi.
- Nafidh Husayn Hammad (2009), *Mukhtalif al-Hadith Bayn al-Fuqaha' wa al-Muhaddithin*, Beirut: Dar al-Nawadir.
- Nafidh Husayn Hammad (2012), "Manhaj al-Imam al-Shafi'i fi Nasikh al-Hadith wa Mansukhihi", dalam *Mu'tamar al-Imam al-Shafi'i*, ed. Shadi Hamzah Tabazah, Kuliyyah al-Adab wa al-'Ulum al-Insaniyyah, Jami'ah al-Aqsa.
- Nur al-Din 'Itr (1979), *Manhaj al-Naqd 'Inda 'Ulama' al-Hadith*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Salih bin Ahmad bin Hanbal (1999), *Masail al-Imam Ahmad bin Hanbal - Riwayat Ibnihi Abi al-Fadl Salih*, ed. Tariq bin 'Iwadullah bin Muhammad, Riyad: Dar al-Watan.
- Samirah Ibrahim Hamdan Ikhziq (2013), *Manhaj al-'Ayni fi Mukhtalif al-Hadith: Dirasah Tatbiqiyah 'Ala Kitabihi 'Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari*, tesis sarjana, al-Jami'ah al-Islamiyyah Ghazzah, Palestin.
- Sharaf al-Qudah (2001), *'Ilm Mukhtalif al-Hadith: Usuluh wa Qawa'iduh*, Majallah Dirasah, al-Jami'ah al-Urduniyyah, jilid 28.
- Sharaf al-Qudah (2003), *Al-Minhaj al-Hadith fi 'Ulum al-Hadith*, Jordan: al-Akadimiyyun li al-Nashr wa al-Tawzi'.

- Syabbir bin Ahmad al-'Uthmani (2016), *Mabadi' 'Ilm al-Hadith wa Usuluh*, ed. 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah, Kaherah, Dar al-Salam.
- The University of Jordan, Dr. Sharaf al-Qudah, dicapai 10 Ogos 2020, <http://eacademic.ju.edu.jo/S.AL-Qudah/Pages/AboutMe.aspx>.
- Usamah bin 'Abd Allah Khayyat (2001), *Mukhtalif al-Hadith Bayn al-Muhaddithin wa al-Usuliyyin al-Fuqaha'*, Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Wahbah al-Zuhayli (2009), *Usul al-Fiqh al-Islami*, Dimashq: Dar al-Fikr.
- 'Abd al-Rahim bin al-Husayn al-'Iraqi, *Al-Taqyid wa al-Idah Sharh Muqaddimah Ibn al-Salah*, ed. 'Abd al-Rahman Muhammad 'Uthman. Madinah: al-Maktabah al-Salafiyah, 1969.
- 'Abdullah Murtaji, 'Abd Allah Mustafa Sa'id. "Manhaj al-Imam al-Bukhari fi Mukhtalif al-Hadith fi Sha'hihi wa al-Muwazanah Baynahu wa Bayna Manhaj al-Imam al-Tirmidhi fi Mukhtalif al-Hadith fi Jami'ih". Tesis kedoktoran, Jami'ah al-Qur'an al-Karim wa al-'Ulum li al-Islamiyyah, Sudan, 2000.
- 'Itr, Nur al-Din. *Manhaj al-Naqd 'Inda 'Ulamā' al-Hadith*. Beirut: Dar al-Fikr, 1979.
- "Dr. Sharaf al-Qudah", laman sesawang The University of Jordan, dicapai 10 Ogos 2020, <http://eacademic.ju.edu.jo/S.AL-Qudah/Pages/AboutMe.aspx>.
- Abadi, Muhammad Abu al-Layth al-Khayr. *'Ulum al-Hadith Asiluhā wa Mu'asiruhā*. Selangor: Darul Syakir, 2011.
- Ahmad Darwish, Jawwad Muhammad. "Manhaj Ibn Hajar fi Mukhtalif al-Hadith min Khilal Kitābihi Fath al-Bārī Sharh Shaḥīḥ al-Bukhārī: 'Ard wa Tahlīl". Disertasi, al-Jami'ah al-Islamiyyah, Gaza, 2001.
- Ahmad, Abu Hafis 'Umar bin. *Al-Mughni' fi 'Ulum al-Hadith*, ed. 'Abd Allah bin Yusuf al-Juday'. Arab Saudi: Dar Fawwaz, 1992.
- Al-'Iraqi, 'Abd al-Rahim bin Husayn. *Sharh al-Tabshirah wa al-Tadhkirah*, ed. Mahir Yasin al-Fahl dan 'Abd al-Latif al-Hamim. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002.

- Al-‘Iskir, Munīrah bint ‘Abd Allāh bin Šāliḥ. “Mukhtalif al-Ḥadīth Inda al-Qāḍī Ibn al-‘Arābī fī Kitābihi al-Masālik fī Sharḥ Muwaṭṭā’ Mālik: Jam‘ wa Dirāsah”. Tesis kedoktoran, Jāmi‘ah al-Mālik Sa‘ūd, Arab Saudi, 2015.
- Al-‘Uthmānī, Shabbir bin Aḥmad. Mabādī’ *‘Ilm al-Ḥadīth wa Uṣūluḥ*, ed. ‘Abd al-Faṭṭāḥ Abū Ghudāh. Kaherah: Dār al-Salam, 2016.
- Al-Baghdādī, Abū Bakr Aḥmad bin ‘Alī bin Thābit al-Khātib. *Al-Kifāyah fī ‘Ilm al-Riwāyah*, ed. Abū ‘Abd Allāh al-Suraqī dan Ibrāhīm Hamdī al-Madānī. Madinah: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, t.t.
- Al-Bayhāqī, Abū Bakr Aḥmad ibn Ḥusayn Ibn ‘Alī. *Al-Khilāfiyyāt Bayna al-Imāmāyīn al-Shāfi‘ī wa Abū Hanīfah wa Ashābih*, ed. Mashhūr bin Ḥasan ‘Alī Salmān. Riyadh: Dār al-Samī‘i, 1994.
- Al-Daghistanī, Murtaḍā ‘Alī bin Muḥammad. *Al-Madkhal ilā Uṣūl al-Imām al-Shāfi‘ī min Khilal Tuḥfah al-Muḥtāj bi Sharḥ al-Manhaj*. Damsyik: al-Mashrīq li al-Kitāb, 2008.
- Al-Dusārī, Sa‘d Fajhan. *Qawā‘id Raf‘ al-Ikhtilāf fī al-Ḥadīth al-Nabāwī*. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2011.
- Al-Fayrūz Abādī, Muḥammad bin Ya‘qūb. *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, ed. Muḥammad Na‘īm al-‘Arqasusi. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2005.
- Al-Fayyūmī, Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Alī. *Al-Miṣbāḥ al-Munīr fī Gharīb al-Sharḥ al-Kabīr li al-Rafi‘i*. Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, t.t.
- Al-Ghāmīdī, Mājjid bin ‘Alī. “Mukhtalif al-Ḥadīth ‘Inda al-Qāḍī ‘Iyād min Khilal Kitābihi “Ikmal al-Mu‘lim”: Jam‘an wa Dirāsah Muqāranah”. Disertasi, Jāmi‘ah Umm al-Qurā, Arab Saudi, 2015.
- Al-Ghirnatī, Ibrāhīm bin Mūsā bin Muḥammad. *Al-Muwāfaqāt*, ed. Mashhur bin Ḥasan ‘Alī Salmān. Madinah: Dār Ibn ‘Affān, 1997.
- Al-Ḥabbash Maḥmūd Šidqī. “Al-Muwāzanah Bayna Manhajay al-Imāmāyīn al-Shāfi‘ī wa Ibn Qutaybah min Khilal Kitābayhima Ikhtilāf al-Ḥadīth wa Ta’wīl Mukhtalif al-Ḥadīth”. Disertasi, al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah Ghazzah, Palestin, 2001.

- Al-Hākīm, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Abd Allāh. *Ma‘rifah ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1977.
- Al-Ḥammādī, ‘Abd Allāh bin Jābir. *Mukhtalif al-Ḥadīth ‘Inda al-Imām Ibn ‘Abd al-Barr: ‘Ard wa Dirāsah*. Riyadh: Dār Kunūz Ishbiliya, 2012.
- Al-Hāzīmī Abū Bakr Muḥammad bin Mūsā bin ‘Uthmān. *Al-Iṭibar fī al-Nāsikh wa al-Mansūkh min al-Athār*. Hyderabad: Dai’rah al-Ma‘ārif al-‘Uthmāniyyah, 1938.
- Al-Jurjānī, ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Alī al-Zayn al-Sharīf. *Kitāb al-Ta‘rīfāt*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1983.
- Al-Kattānī, Muḥammad bin Ja‘far. *Al-Risālah al-Mustatrifah li Bayān Mashhur Kutub al-Sunnah al-Muṣannafah*. Cet. 4, Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 1986.
- Al-Khaṭṭābī, Abū Sulaymān Ḥamd bin Muḥammad bin Ibrāhīm. *Ma‘ālim al-Sunan*. Halab: al-Maṭba‘ah al-‘Ilmiyyah, 1932.
- Al-Laknāwī, Muḥammad ‘Abd al-Ḥayy. *Al-Ajwibah al-Faḍīlah li al-As‘ilah al-‘Ashrah al-Kamilah*, ed. ‘Abd al-Faṭṭāḥ Abū Ghudāh. Beirut: Maktab al-Matbū‘at al-Islāmiyyah, 1984.
- Al-Malyabārī, Hamzah ‘Abd Allāh. *Al-Muwāzanah Bayna al-Mutaqaddimīn wa al-Muta’akhhirīn fī Taṣḥīḥ al-Aḥādīth wa Ta’līliha*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2001.
- Al-Nawāwī Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf. *Irshād Ṭullab al-Ḥaqā’iq ilā Ma‘rifah Sunan Khayr al-Khalā’iq*, ed. Nuruddin ‘Itr. Damsyik: Dār al-Yamamah, 2002.
- Al-Nawāwī, Abū Zakariyyā Yaḥya bin Sharaf. *Al-Taqrīb wa al-Taysīr li Ma‘rifah Sunan al-Bashir wa al-Naḍir*, ed. Muḥammad ‘Uthmān al-Khasyat. Beirut: Dār al-Kitab al-‘Arabī, 1985.
- Al-Nawāwī, Abū Zakariyyā Yaḥyā ibn Sharaf. *Al-Minhaj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabī, 1932.
- Al-Nawāwī, Abū Zakariyyā Yaḥyā ibn Sharaf. *Majmū’ Sharḥ al-Muhadhdhab*. Kaherah: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Quḍāh, Sharaf. “‘Ilm Mukhtalif al-Ḥadīth: Uṣūluh wa Qawā‘iduh”, Majallāh *Dirāsah al-Jāmi‘ah al-Urduniyyah*, jilid 28 (2001), 17.
- Al-Quḍāh, Sharaf. *Al-Minhaj al-Ḥadīth fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Jordan: al-Akadimiyyūn li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2003.

- Al-Rāzī, Muḥammad bin Abī Bakr. *Mukhtār al-Şiḥaḥ*. Beirut: Maktabah Lubnān Nashirun, 1995.
- Al-Sahalāwī, ‘Abd al-‘Alī Muḥammad bin Nizām al-Dīn. *Fawātiḥ al-Rahamut bi Sharḥ Musallam al-Thubut*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002.
- Al-Sakhāwī, Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥman. *Faṭḥ al-Mughūth bi Sharḥ Alfīyah al-Ḥadīth*, ed. ‘Alī Ḥasan ‘Alī. Mesir: Maktabah al-Sunnah, 2003.
- Al-Şan‘ānī, Muḥammad bin Ismā‘īl. *Tawdīḥ al-Afkār li Ma‘ānī Tanqīḥ al-Anzar*, ed. Muḥammad Maḥy al-Dīn ‘Abd al-Ḥāmid. Madinah: al-Maktabah al-Salāfiyyah, 1947.
- Al-Sarakhsī, Muḥammad bin Aḥmad. *Uşūl al-Sarakhsī*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.
- Al-Sha‘alan, ‘Abd al-Raḥman bin ‘Abd Allāh. *Uşūl Fiqh al-Imām Mālīk - Adillatuh al-Naqliyyah*. Arab Saudi: Jāmi‘ah al-Imām Muḥammad bin Sa‘ūd al-Islāmiyyah, 2002.
- Al-Sha‘rānī, ‘Abd al-Wahhāb bin Aḥmad. *Kashf al-Ghummah ‘an Jami‘ al-Ummah*. Mesir: al-Ṭab‘ah al-Maymanah, 1900.
- Al-Shāfi‘ī, Muhammad ibn Idrīs. “Ikhtilāf al-Ḥadīth” dalam al-*Umm*, ed. Rif‘āt Fawzī ‘Abd al-Muṭālib. Beirut: Dār Ibn Hazm, 2011.
- Al-Shāfi‘ī, Muhammad ibn Idrīs. *Al-Risālah*, ed. Aḥmad Muḥammad Shākīr. Kaherah: Maktabah al-Shurūq al-Dawliyyah, 2005.
- Al-Shāṭibī, Ibrāhīm bin Mūsā bin Muḥammad al-Ghirnatī. *Al-Muwāfaqāt*, ed. Mashhūr bin Ḥasan ‘Alī Salmān. Madinah: Dār Ibn ‘Affān, 1997.
- Al-Shirāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin ‘Alī. *Al-Lumā‘ fī Uşūl al-Fiqh*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2014.
- Al-Susiwah, ‘Abd al-Mājid Muḥammad Ismā‘īl. *Manhaj al-Tawfiq wa al-Tarjīḥ Bayna Mukhtalif al-Ḥadīth wa Athāruhu fī al-Fiqh al-Islāmī*. Beirut: Dār al-Dhakha‘ir, 1997.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥman bin Abī Bakr. *Al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur‘ān*, ed. Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm. Kaherah: al-Hay‘ah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah, 1974.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥman bin Abī Bakr. *Tadrīb al-Rāwī fī Shaḥ Taqrīb al-Nawāwī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1979.

- Al-Ṭahāwī, Abū Ja'far Aḥmad al-Ṭahāwī *Sharḥ Ma'ānī al-Athār*, ed. Muḥammad Zuhrī al-Najjār dan Muḥammad Sayyīd Jād al-Ḥaq. Madinah: 'Alam al-Kutub, 1994.
- Al-Ṭahāwī, Aḥmad bin Muḥammad al-Azdī. *Sharḥ Mushkil al-Athār*, ed. Syu'ayb al-Arnauth. Beirut: Muassasah al-Risālah, 1994.
- Al-Tibrizī, Abū al-Ḥasan 'Alī bin Abī Muḥammad 'Abd Allāh. *Al-Kāfī fī 'Ulūm al-Ḥadīth*, ed. Abū 'Ubaydah Mashhūr bin Ḥasan 'Alī Salmān. Amman: al-Dār al-Athāriyyah, 2008.
- Al-Zābidī, Muḥammad bin Muḥammad bin 'Abd al-Razzāq. *Tāj al-'Arūs min Jawāhir al-Qāmūs*. Beirut: Dār al-Hidāyah, t.t.
- Al-Zuhaylī, Wahbah. *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Damsyik: Dār al-Fikr, 2009.
- Bukhārī, Ḥasan bin 'Abd al-Ḥāmid bin 'Abd al-Ḥākīm. "Manhaj al-Imām al-Ṭahāwī fī Daf' al-Ta'arruḍ Bayna al-Nuṣūṣ al-Shar'īyyah min Khilal Kitābihi Sharḥ Mushkil al-Athār". Disertasi, Jāmi'ah Umm al-Qura, Mekah, 2001.
- Faisal Ahmad Shah. *Kaedah Tepat Memahami Hadis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2015.
- Ḥāfizī, Ḥākimah. *Mukhtalif al-Ḥadīth: Mudhazzikah Muqaddimah li Ṭalabah al-Sanah al-Thālithah*. Algeria: Jāmi'ah al-Amir 'Abd al-Qādir li al-'Ulūm al-Islāmiyyah, 2013.
- Hāj, Abū 'Abd Allāh Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad Amīr. *Al-Taqrīr wa al-Tahbir*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983.
- Hammad, Nafidh. "Manhaj al-Imām al-Shāfi'ī fī Nāsikh al-Ḥadīth wa Mansūkhīhi", dalam Mu'tamar al-Imām al-Shāfi'ī, ed. Shādī Hamzah Tabazah. Kuliyyah al-Ādāb wa al-'Ulūm al-Insāniyyah, Jāmi'ah al-Aqsa, 2012.
- Hammad, Nafidh. *Mukhtalif al-Ḥadīth Bayn al-Fuqahā' wa al-Muhaddithīn*. Beirut: Dār al-Nawādir, 2009.
- Ḥanbal, Ṣāliḥ bin Aḥmad bin. *Masā'il al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal - Riwayat Ibnihī Abī al-Faḍl Ṣāliḥ*, ed. Ṭarīq bin 'Iwad Allāh bin Muḥammad. Riyadh: Dār al-Waṭan, 1999.
- Ibn 'Abd al-Barr, Abū 'Amrū Yūsuf bin 'Abd Allāh. *Al-Tamhīd limā fī al-Muwattā' min al-Ma'ānī wa al-Asānid*, ed. Muṣṭafa bin Aḥmad al-'Alawī dan Muḥammad 'Abd al-Kabīr al-Bakrī. Maghribi: Wizārah 'Umūm al-Awqāf wa al-Shu'un al-Islāmiyyah, 1966.

- Ibn al-Mundhīr, Abū Bakr Muḥammad bin Ibrāhīm. *Al-Awsaṭ fī al-Sunan wa al-Ijmā' wa al-Ikhtilāf*, ed. Abū Ḥammād Saghūr Aḥmad. Riyadh: Dār Ṭayyibah, 1985.
- Ibn al-Qayyīm, Muḥammad bin Abī Bakr al-Jawziyah. *I'lam al-Muqī'in 'an Rabb al-'Alamīn*, ed. Abū 'Ubaydah Mashhūr bin Ḥasan 'Alī Salmān. Arab Saudi: Dār Ibn al-Jawzī, 2002.
- Ibn Fāris, Aḥmad bin Fāris bin Zakariyyā. *Mu'jam Maqāyis al-Lughah*, ed. 'Abd al-Salam Muḥammad Hārun. Kaherah: Dār al-Fikr, 1979.
- Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad bin 'Alī. *Nuzhah al-Nazar fī Tawḍīh Nukhbah al-Fikr fī Muṣṭalah Ahl al-Athār*, ed. Nūr al-Dīn 'Itr. Karachi: Maktabah al-Bushrā, 2012.
- Ibn Ḥazm, Abū Muḥammad 'Alī bin Aḥmad bin Sa'id. *Al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, ed. Aḥmad Muḥammad Shākīr. Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadīdah, t.t.
- Ibn Jama'ah, Muḥammad bin Ibrāhīm. *Al-Manhal al-Rāwī fī Mukhtaṣar 'Ulūm al-Ḥadīth al-Nabāwī*, ed. Maḥy al-Dīn 'Abd al-Raḥman Ramādān. Damsyik: Dār al-Fikr, 1983.
- Ibn Kathīr, Ismā'īl bin 'Umar. *Ikhtišār 'Ulūm al-Ḥadīth*, ed. Aḥmad Muḥammad Shākīr. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- Ibn Khuzaymah, Muḥammad bin Ishāq al-Naysabūrī. *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, ed. Muḥammad Muṣṭafā al-'Azamī. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1970.
- Ibn Manzūr, Muḥammad bin Mukarram. *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār al-Ṣādir, 1993.
- Ibn Ṣalah, Abū 'Amrū 'Uthmān bin 'Abd al-Raḥman al-Shahrazūrī. *Muqaddimah Ibn al-Ṣalah*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2010.
- Ikhziq, Samīrah Ibrāhīm Ḥamdan. "Manhaj al-'Aynī fī Mukhtalif al-Ḥadīth: Dirāsah Taṭbiqiyah 'alā Kitābihi 'Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī". Disertasi, al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah Gaza, Palestin, 2013.
- Khayyāt, Usāmah bin 'Abd Allāh. *Mukhtalif al-Ḥadīth Bayna al-Muḥaddīthīn wa al-Uṣūliyyīn al-Fuqahā'*. Beirut: Dār Ibn Hazm, 2001.
- Rushu, Al-Hādī. *Mukhtalif al-Ḥadīth wa Juhud al-Muḥaddīthīn fīh: Dirāsah Naqḍiyyah*. Beirut: Dār Ibn Hazm, 2009.

Wahab, Muḥammad bin ‘Alī bin. *Iḥkām al-Aḥkam Sharḥ ‘Umdah al-Aḥkām*, ed. Muṣṭafā Shaykh Muṣṭafā. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2005.

Zaydan, ‘Abd al-Karīm. *Al-Wajīz fī Sharḥ al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risālah Nashirun, 2014.

Zaydān, ‘Abd al-Karīm. *Al-Wājīz fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risālah Nashirun, 2013.